# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 1
## BAHAGIAN AL QURAN, HADIS DAN HUKUM TAJWID

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB.  BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **AYAT KEFAHAMAN** | |
| | **LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA (SURAH AL AN'AM AYAT 70)** | |
| | وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا<br>كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ<br>أُبْسِلُواْ بِمَا كَسَبُواْ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُواْ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾<br><br>Ayat di atas menjelaskan tentang balasan terhadap orang yang mernpersendakan IslarnBerdasarkan ayat di atas, | |
| 1 | Nyatakan dua bentuk perbuatan mempersendakan Islam<br><br>- Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>- Menghina golongan ulama dan orang soleh.<br>- Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>- Menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Berasa bangga mempersendakan agama.<br>- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. | Perlis<br>Kedah<br>Sabah<br>Penang<br>N9<br>Sarawak |
| 2 | Jelaskan dua kesan perbuatan mempersendakan Islam<br><br>- Membatalkan iman seseorang<br>- Tidak dipandang oleh Allah SWT pada hari akhirat.<br>- Tidak mendapat kejayaan di dunia dan akhirat | Perlis<br>Kedah<br>Penang<br>N9 |
| 2 | Jelaskan **dua** cara menjaga kesucian Islam<br>Bagaimanakah anda menjaga kesucian agama Islam<br><br>- Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan disemua lapisan masyarakat.<br>- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW. -<br>- Meningkatkan kualiti ibadah fardu dan sunat demi menjamin keutuhan akidah.<br>- Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.<br>- Mengamalkan tuntutan amar ma'ruf nahi mungkar dalam kehidupan.<br>- Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman dan denda yang berat kepada pesalah. | Sabah<br>N9<br>Sarawak |
| 4 | Terangkan dua pengajaran ayat di atas<br><br>- Kita hendaklah menjauhi diri daripada golongan yang mempersendakan agama (1m) demi menjaga kesucian Islam (1m).<br>- Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan mempersendakan agama sebagai alat permainan dan gurauan (1m) ialah sebahagian daripada tipu daya dunia (1m).<br>- Umat Islam hendaklah sentiasa memberikan peringatan dan nasihat kepada orang yang mempersendakan agama (1m) dengan berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (1m).<br>- Umat Islam hendaklah menyakini bahawa Allah SWT tidak akan memberikan perlindungan dan syafaat (1m) kepada orang yang mempersendakan agama (1m).<br>- Umat Islam hendaklah menyedari bahawa perbuatan mempersendakan agama akan diazab oleh Allah SWT (1m) dengan seksaan api neraka (1m). | Perlis<br>Kedah<br>Sabah<br>Penang<br>N9<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **MEMAHAMI SUNNATULLAH** | |
| | قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِكُمۡ سُنَنٞ فَسِيرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ فَٱنظُرُواْ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَٰذَا بَيَانٞ لِّلنَّاسِ<br>وَهُدٗى وَمَوۡعِظَةٞ لِّلۡمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُواْ وَلَا تَحۡزَنُواْ وَأَنتُمُ ٱلۡأَعۡلَوۡنَ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿١٣٩﴾<br><br>Ayat di atas menerangkan berkenaan balasan Allah SWT kepada kaum-kaum terdahulu yang tidak memahami konsep sunnatullah<br>Berdasarkan ayat di atas | |
| 5 | Nyatakan maksud sunnatullah (2M)<br><br>- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t terhadap semua makhluk / (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut. | Johor<br>Melaka<br>KL<br>Selangor<br>Terengganu<br>MRSM<br>Pahang |
| 6 | Nyatakan **dua** konsep sunnatullah<br><br>- Sunnatullah besifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT<br>- Sunnatullah merangkumi semua makhluk<br>- Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabbab dan akibat. Contoh kejadian awan | KL |
| 7 | Jelaskan dua konsep sunnatullah beserta contoh<br><br>- Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT/ contoh azab yang menimpa kepada kaum terdahulu seperti kaum Thamud dll. Mana-mana umat yang yang membuat kejahatan tetap akan menerima balasan dengan izinnya.<br>- Sunnatullah yang merangkumi semua makhluk/ contoh semua makhluk Allah yang di langit atau bumi yang sukarela atau terpaksa akan sujud kepadanya.<br>- Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat/ contoh kejadian awan dan hujan berlaku melalui proses penyejatan dan kondensasi | Pahang |
| 8 | Kaum Thamud dan Luth antara kaum yang Allah binasakan suatu ketika dahulu .<br>Jelaskan dua sebab Allah binasakan kaum terserbut<br>Nyatakan dua faktor kemusnahan umat terdahulu<br><br>- Bersifat angkuh dengan menuduh Nabi Salleh A.S sebagai pendusta<br>- Ingkar perintah Allah dengan mengamalkan homoseksual | Pahang<br><br>Selangor |
| 9 | Jelaskan **dua** kepentingan mengkaji sejarah umat terdahulu (4M)<br><br>- Dapat mengenalpasti sebab kejayaan umat terdahulu.<br>- Dapat mengetahui sebab kemusnahan umat terdahulu.<br>- Dapat dijadikan iktibar dalam kehidupan. | Melaka<br>Terengganu<br>MRSM |
| 10 | Jelaskan kesan memahami konsep sunnatullah (2M)<br><br>- Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut ketetapan dan kehendak Allah<br>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan<br>- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif<br>- Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan<br>- Membentuk jatidiri dan semangat jihad yang tinggi | Johor<br>KL<br>Selangor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 11 | Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas<br><br>- Kita hendaklah meyakini Allah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapannya.<br>- Kita hendaklah menjadi pengembara dimuka bumi supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah<br>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu agar menjadi pedoman<br>- Kita hendaklah meyakini al-Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran bagi orang yang beriman<br>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa ketika menerima ujian dalam kehidupan<br>- Kita hendaklah menjaga keimanan agar beroleh kedudukan yang tinggi disisi Allah | Johor<br>Melaka<br>KL 2<br>Terengganu<br>MRSM<br>Pahang |
| | **KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN : AT TAUBAH 19-20** | |
| | ﴿۞أَجَعَلۡتُمۡ سِقَايَةَ ٱلۡحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِ كَمَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَجَٰهَدَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۚ لَا يَسۡتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِهِمۡ وَأَنفُسِهِمۡ أَعۡظَمُ دَرَجَةً عِندَ ٱللَّهِۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ ﴾<br>(Surah al-Taubah: 19-20)<br>Ayat di atas menerangkan tuntutan pelaksanaan Fiqh al-Aulawwiyat dalam kehidupan.<br>Berdasarkan ayat di atas | |
| 12 | Apakah maksud Fiqh al- Aulawiyyat?<br>- Maksud fiqh aulawiyyat ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan/ berdasarkan prinsip syarak. | Perak<br>SBP<br>Putrajaya<br>KL 1 |
| 13 | Jelaskan **dua** prinsip asas dalam Fiqh al-Aulawiyyat<br><br>- Bersumberkan dalil syara'<br>- Mengutamakan perkara yang diutamakan oleh syara'<br>- Mengambil kira keperluan semasa dan setempat<br>- Mengutamakan keperluan atau manfaat bersama<br>- berbanding dengan manfaat peribadi<br>- Mengambil kira tahap keupayaan individu | Perak<br>Putrajaya<br>KL 1 |
| 14 | Jelaskan prinsip am pelaksanaan Fiqh Aulawiyah dalam bidang amalan<br><br>- Utamakan amalan yang banyak manfaat berbanding amalan yang kurang bermanfaat | SBP |
| 15 | Terangkan dua kepentingan Fiqh Aulawiyat terhadap masyarakat<br><br>- Memastikan tindakan terkawal supaya dapat memberi manfaat kepada masyarakat<br>- Dapat menghasilkan kerja lebih berkualiti kerana sistem kerja bersistematik<br>- Mengamalkan tuntutan mengikut susunan agar dapat memuaskan semua pihak<br>- Mewujudkan kesejahteraan sosial dalam melestarikan pengurusan kehidupan<br>- Mengimbangkan pelaksanaan syariat dalam pelaksanaan tuntutan syariat | SBP |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 16 | Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas<br><br>Pengajaran ayat: **Kita hendaklah**….<br>- Sentiasa meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan hari akhirat kerana keimanan ialah kunci penerimaan<br>- segala ibadat.<br>- Sentiasa berazam untuk berjihad dengan tenaga dan harta supaya mendapat ganjaran yang besar dari Allah<br>- SWT.<br>- Sentiasa berhijrah kepada yang lebih baik supaya menjadi insan yang proaktif., | KL 1 |
| | **KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM (SURAH AL HUJURAT AYAT 13)** | |
| | يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ<br>لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣<br>Ayat di atas menerangkan Allah SWT menjadikan manusia pelbagai bangsa dan kaum.<br>Berdasarkan ayat di atas | |
| 17 | Nyatakan sebab turun ayat<br><br>- Rasulullah SAW meminta Saidina Bilal bin Rabah melaungkan azan semasa pembukaan Kota Mekah. **(1m)** / Terdapat sahabat yang memandang rendah kepada Saidina Bilal bin Rabah dan perkara itu diberitahu malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW lalu turun ayat tersebut. **(1m)** | Kelantan |
| 18 | Jelaskan **dua** kepentingan Allah SWT menjadikan kita pelbagai bangsa dan kaum<br><br>- Menjalinkan perpaduan dan perhubungan yang harmoni.<br>- Mengiktiraf kemuliaan dan harga diri manusia tanpa mengira rupa paras dan etnik.<br>- Menjalinkan hubungan dengan orang bukan Islam selagi mereka tidak memusuhi Islam.<br>- Menggalakkan interaksi dan kerjasama yang akan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.<br><br>*Catatan:*<br>***Mana-mana jawapan munasabah diterima.*** | Kelantan |
| 19 | Terangkan **dua** pengajaran ayat<br>- Kita hendaklah saling bekerjasama **(1m)** / untuk membina kehidupan harmoni. **(1m)**<br>- Kita hendaklah menghormati kepelbagaian budaya **(1m)** supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat. **(1m)**<br>- Kita hendaklah berusaha membaiki akhlak (1m) agar menjadi insan bertakwa | Kelantan |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **HADIS KEFAHAMAN** | |
| | **HADIS : 7 GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH** | |
| | قَالَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمْ اللَّهُ، فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لاَ ظِلَّ إِلاَّ ظِلُّهُ، اْلإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلاَنِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ، اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالٍ، فَقَالَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى، حَتَّى لاَ تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا، فَفَاضَتْ عَيْنَاه. ( متفق عليه )<br>Hadis di atas menjelaskan golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT di akhirat kelak.<br><br>Berdasarkan hadis di atas | |
| 1 | Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris<br><br>- Naungan<br>- Pemimpin yang adil<br>- Pemuda<br>- Aku takut kepada Allah SWT. | Terengganu<br>Melaka<br>Selangor |
| 2 | Apakah maksud pemimpin yang adil<br><br>- Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya (1m), berpandukan al Quran dan hadis(1m) | N9 |
| 3 | Jelaskan dua ciri pemimpin yang adil<br><br>- Beriman dan bertaqwa kepada Allah<br>- Memastikan keperluan asas rakyat dipatuhi<br>- Mengamalkan amar makruf mencegah kemungkaran<br>- Menhapuskan kezaliman<br>- Menyusun pentadbiran yang cekap dan amanah<br>- Menyediakan infra sturuktur yang lengkap<br>- Menegakkan syariat Islam | N9 |
| 4 | Senaraikan **dua** golongan tersebut selain orang yang menyembunyikan sedekah.<br>senaraikan dua golongan yang akan mendapat naungan Allah di akhirat nanti<br><br>- Pemimpin yang adil<br>- Seorang pemuda yang taat beribadah<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah<br>- Seorang yang benci perbuatan maksiat<br>- Seorang yang mengingati Allah sehingga menitiskan airmata<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid | Johor<br>Sabah<br>Selangor<br>Perlis<br>Terengganu<br>Pahang |
| 5 | Jelaskan contoh perbuatan seseorang yang menyembunyikan sedekah. (2M)<br>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian / *online banking*<br>- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid | Johor<br>Perlis<br>Kedah<br>Pahang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 6 | Nyatakan maksud seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- pemuda yang hatinya sentiasa berasa seronok memakmurkan masjid dengan aktiviti ibadat dan kebajikan | KL |
| 7 | Senaraikan **dua** contoh golongan yang hatinya mencintai masjid.<br>Jelaskan **dua** contoh perbuatan mencintai masjid<br>Jelaskan dua cara untuk menjadi golongan yang mencitai masjid<br><br>- Menunaikan solat fardu secara berjemaah.<br>- Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu dan program sukan dan riadah. | Melaka<br>KL<br>Sarawak |
| 8 | Terangkan **dua** contoh orang yang mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br><br>- Saidina Abu Bakar sentiasa mendampingi Rasulullah SAW /<br>- **ketika** berhadapan dengan pelbagai ujian semasa berhijrah ke Madinah.<br>- Persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar /<br>- **sehingga** sanggup menawarkan harta, tenaga dan tempat tinggal.<br><br>**mana-mana jawapan munasabah diterima* | Terengganu |
| 9 | Jelaskan **dua** kelebihan sekiranya mendapat naungan Allah SWT<br><br>- Mendapat perlindungan daripada kepanasan cahaya matahari di Padang mahsyar<br>- Allah akan menyediakan baginya tempat dalam syurga<br>- | Sabah |
| 10 | Jelaskan **dua** cara untuk menghindari perbuatan maksiat<br><br>- Menghindari pergaulan bebas tanpa batas<br>- Menjauhi perbuatan zina<br>- Mendekatkan diri kepada Allah<br>- Memperbanyak ibadah sunat | Johor |
| 11 | Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas<br><br>- Kita hendaklah berlaku adil dalam setiap tindakan (I)kerana ianya adalah suruhan Allah SWT. (H)<br>- Kita hendaklah memanfaatkan usia muda dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT (I) agar berjaya dunia dan akhirat. (H)<br>- Kita hendaklah saling mengasihi (I) supaya masyarakat hidup aman damai. (H)<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan maksiat (I) agar selamat daripada kemurkaan Allah SWT. (H)<br>- Kita hendaklah berusaha memperbanyakkan sedekah kerana amalan tersebut dapat menyucikan harta dan jiwa. (H) | Melaka<br>Selangor<br>Kedah<br>N9<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **KEMULIAAN BERDIKARI** | |
| | عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ: لَأَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ. ( رواه البخاري ) | |
| | Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari dalam kehidupan.<br>Berdasarkan hadis di atas | |
| 12 | Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris<br>- Lebih baik baginya (1m) daripada dia meminta –minta kepada seseorang | SBP |
| 13 | Nyatakan maksud berdikari<br>- Berusaha sendiri **(1m) /** dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. **(1m)** | Kelantan<br>Putrajaya |
| 14 | Nyatakan **dua** contoh pekerjaan nabi dan rasul untuk menyara keluarga<br><br>- Nabi Adam (petani)<br>- Nabi Idris (tukang jahit)<br>- Nabi Musa (penternak kambing)<br>- Nabi Muhammad ( pengembala kambing/berniaga)<br>- Nabi Daud A.S (tukang besi)<br>- Nabi Zakaria (tukang kayu) | KL 1 |
| 15 | Jelaskan konsep berdikari.<br>- Meyakini kemampuan diri melaksanakan sesuatu tugasan.<br>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh.<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan oleh Allah SWT.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain.<br>- Berazam dengan hemah yang tinggi<br>- Meningkatkan kualiti diri<br>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh | Kelantan<br>Perak<br>SBP<br>Putrajaya |
| 16 | Jelaskan kelebihan berdikari.<br>- Menjadikan Islam dipandang tinggi<br>- Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal<br>- Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi<br>- Memperkasakan daya saing masyarakat<br>- Mempertingkat taraf kehidupan | Perak<br>KL 1 |
| 17 | Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas<br>- Kita hendaklah berkerja(1m) supaya mendapat rezeki yang halal (1m)<br>- Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran (1m) untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik (1m)<br>- Kita hendaklah menjauhi perbuatan meminta-minta (1m) supaya memelihara maruah diri (1m)<br>- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan (1m) agar hidup lebih diberkati Ilahi (1m)<br>**Catatan**: Jawapan mestilah merujuk kepada tema yang terdapat dalam hadis sahaja. | Perak<br>SBP<br>Putrajaya<br>KL 1 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN** | |
| | عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ<br>رَعِيَّتِهِ الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ<br>رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ<br>رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ<br>رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.<br>(رواه البخاري)<br>Hadis di atas menerangkan bahawa setiap orang adalah pemimpin<br>Berdasarkan hadis di atas | |
| 18 | Nyatakan maksud potongan hadis yang bergaris<br><br>- Setiap kamu adalah pemimpin<br>- Imam itu ialah pemimpin dan bertanggungjawab atas kepimpinannya | MRSM<br>Penang |
| 19 | Jelaskan dua tanggungjawab pemimpin<br><br>- Berlaku adil / menghapuskan kezaliman.<br>- Menegakkan syariat Islam.<br>- Menyusun sistem pentadbiran yang cekap dan amanah.<br>- Menyediakan infrastruktur yang lengkap.<br>- Bersikap toleransi terhadap orang bawahan | Penang |
| 20 | Nyatakan dua individu yang diberi tanggungjawab selain pemimpin<br><br>- Suami<br>- Isteri<br>- Pekerja<br>- Anak | MRSM |
| 21 | Terangkan dua pengajaran daripada hadis di atas<br><br>- Kita hendaklah menyedari setiap individu berperanan sebagai pemimpin akan diertanggungjawabkan di akhirat kelak<br>- Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dipimpin dengan adil dan amanah<br>- Kita hendaklah melindungi anggota keluarga agar selamat dunia akhirat<br>- Kita hendaklah bertanggungjawab terhadap segala urusan keluarga agar kekal harmoni<br>- Kita hendaklah bersikap amanah bila bekerja agar rezeki diberkati<br>- Kita hendaklah berbakti kepada ibu bapa kerana jasa mereka tidak terbalas<br>- Kita hendaklah mencontohi sunnah Rasulullah kerana baginda adalah contoh ikutan yang baik | MRSM |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><th></th><th>HUKUM TAJWID</th><th></th></tr>
<tr><td>1</td><td>Nyatakan jenis hukum mad lazim.<br><br>- Mad Lazim Kalimi<br>- Mad Lazim Harfi</td><td>Johor</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Senaraikan dua bahagian Qalqalah<br><br>- Qalqalah Sughra<br>- Qalqalah Kubra<br>- Qalqalah Akbar</td><td>Kelantan<br>Sabah</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Terangkan salah satu daripada hukum tajwid berkaitan hukum Qalqalah serta cara bacaannya<br><br>
<table>
<tr><td>Hukum Qalqalah</td><td>Cara bacaan</td></tr>
<tr><td>Qalqalah Sughra</td><td>Bunyi lantunan rendah Ketika menyebut hukum qalqalah</td></tr>
<tr><td>Qalqalah Kubra</td><td>Bunyi lantunan kuat Ketika menyebut hukum qalqalah</td></tr>
<tr><td>Qalqalah Akbar</td><td>Bunyi lantunan lebih kuat Ketika menyebut hukum qalqalah</td></tr>
</table>
</td><td>Melaka<br>KL<br>Selangor<br>Perlis<br>Terengganu<br>Penang</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Nyatakan dua jenis Ibtida’<br><br>a. Ibtida’ Hasan<br>b. Ibtida’ Qabih</td><td>Perak</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Terangkan mana-mana satu hukumdan cara bacaan mad silah<br><br>Mana-mana satu hukum dan cara bacaan mad silah ialah :<br>- Mad Silah Qasirah /1m<br>bacaannya panjang 2 harakat /1m<br>- Mad Silah Tawilah /1m<br>bacaannya panjang 4 atau 5 harakat/1m<br><br>Catatan:<br>- Nama hukum 1m dan cara bacaan 1m<br>- Nama hukum betul =1m, cara baca salah =0m<br>- Nama hukum salah=0m, cara baca betul =0m</td><td>Kedah<br>Pahang<br>KL 1</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 6 | وَلَا يُشۡرِكۡ بِعِبَادَةِ رَبِّهِۦٓ أَحَدَۢا<br>Nyatakan hukum tajwid dan cara bacaan bagi perkataan bergaris di bawah<br>- Mad Silah Towilah : memanjangkan bacaan 4 atau 5 harakat<br>- | MRSM |
| 7 | وَمَآ أُنزِلَ مِن قَبۡلِكَ<br>Nyatakan hukum dan cara bacaan bagi tempat yang bergaris<br>- Qalqalah sughra : bunyi lantunan rendah<br>- | SBP |
| 8 | (i) وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتۡ أَعۡمَٰلُهُمۡ<br>(ii) غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ<br>Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris di bawah<br>i) Mad Silah Qasirah<br>ii) Mad Lazim Klimi Muthaqqal | N9 |
| 9 | وَجَٰهَدَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۚ لَا يَسۡتَوُۥنَ عِندَ ٱللَّهِۗ<br>(i) (ii)<br>Nyatakan cara bacaan bagi tanda wakaf tersebut.<br>i) lebih baik berhenti (wakaf).<br>ii) (ii) boleh berhenti atau boleh diteruskan | Putrajaya |
| 10 | (i) لِتُنْذِرَ بِهٖ وَذِكْرٰى لِلْمُؤْمِنِيْنَ<br>(ii) وَلَا تَتَّبِعُوْا مِنْ دُوْنِهٖٓ اَوْلِيَاۤءَ<br>Nyatakan **hukum** Mad Silah bagi kalimah di bawah<br>(i) Mad Silah Qasirah<br>(ii) Mad Silah Tawilah | Sarawak |

# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 2
## BAHAGIAN AQIDAH

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **BERIMAN KEPADA NAMA-NAMA ALLAH** | |
| | **AR RAQIB** | |
| | Beriman dengan nama Allah SWT al-Raqib akan melahirkan seorang hamba yang sentiasa mentaati perintah dan menjauhi larangan-Nya | |
| 1 | Apakah maksud nama Allah al-Raqib?<br><br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha mengawasi /(1m) semua perbuatan dan keadaan manusia.(1m)<br><br>- Tiada perkataan 'mengawasi' = 0 m | Johor<br>KL<br>Selangor<br>Sarawak |
| 2 | Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib<br><br>- Allah SWT maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia | Johor<br>KL<br>Selangor<br>Sarawak |
| | **AS SYAHID** | |
| | Al-Syahid merupakan satu daripada al-Asma al-Husna Allah SWT. | |
| 3 | Nyatakan maksud al-Syahid. (2M)<br><br>- Nama Allah yang menunjukkan Allah SWT Maha Menyaksikan segala perbuatan/ **(1m)** dan mendengar segala ucapan ) segala perbuatan dan mendengar segala ucapan makhluk / **serta tiada sesuatu pun yang tersembunyi daripadanya** (1m). | Kelantan<br>Melaka<br>Perak<br>Perlis<br>Terengganu<br>Kedah<br>N9<br>Pahang<br>Sabah<br>SBP<br>MRSM<br>Putrajaya<br>KL 1 |
| 4 | Jelaskan dua bukti kefahaman anda mengenai al-Syahid<br>Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Syahid (4M)<br><br>- Allah menjadi saksi perutusan Rasulullah ke atas umatnya.<br>- Allah menyaksi dan menghitung segala amal perbuatan manusia.<br>- Menjadi saksi atas segala perkara yang nyata atau tersembunyi.<br>- Menjadi saksi pembohongan orang munafik. | Perlis<br>Kelantan<br>Melaka<br>Perak<br>Terengganu<br>Kedah<br>N9<br>Pahang<br>Sabah<br>SBP<br>MRSM<br>Putrajaya<br>KL 1 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 5 | Terangkan dua hikmah/kepentingan beriman dengan nama Allah SWT As Syahid<br><br>- Menjadi asas kepada seseorang beriman kepada Allah SWT/ agar bersih dari pegangan yang sesat.<br>- Menjadikan seseorang sentiasa berwaspada dalam semua keadaan/ kerana yakin kepada Allah SWT.<br>- Berusaha melakukan perintah Allah SWT/ agar menjadi seorang mukmin yang benar.<br>- Berusaha menjauhi larangan Allah SWT/ kerana merasakan Allah SWT sentiasa menyaksikan perbuatanya. | Pahang<br>Putrajaya |
| | **PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN** | |
| | Setiap muslim wajib memelihara iman daripada terbatal. | |
| 6 | Senaraikan **dua** perkara yang membatalkan iman selain daripada iktikad<br><br>- Perkataan<br>- Perbuatan | Johor<br>Kelantan<br>Selangor<br>Sabah |
| 7 | Nyatakan **dua** cara iman seseorang boleh terbatal<br><br>- melalui iktikad<br>- melalui perkataan<br>- melalui perbuatan | KL 2<br>Perak<br>MRSM |
| 8 | Nyatakan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek;<br>(a) Al-Uluhiyyah<br>(b) Al-Syariah<br><br>**a. Uluhiyah:**<br>- Mengingkari kewujudan Allah.<br>- Mengingkari sifat kesempurnaan Allah.<br>- Meyakini kewujudan makhluk lain yang memerintah alam.<br>- Menyifatkan Allah dengan sifat yang tidak layak bagi Allah.<br><br>**b. Syariat:**<br>- Mengingkari rukun Islam.<br>- Mengingkari hukum dalam Al-Quran.<br>- Beriktikad bahawa hukum dalam al-Quran adalah lapuk | Kelantan |
| 9 | Apakah maksud iman terbatal melalui iktikad?<br><br>- Iman terbatal dengan sebab **tidak percaya atau ragu-ragu** dengan perkara yang berkaitan /1m dengan al Uluhiyyah (ketuhanan), al Nubuwwah (kenabian), perkara al Ghaibiyyat (ghaib) dan al Syariah /1m. | Terengganu<br>Kedah |
| 10 | Nyatakan dua perkara terbatalnya iman melalui iktikad<br>Senaraikan dua contoh iktikad yang membatalkan iman<br><br>- Al Uluhiyat (ketuhanan)<br>- Al-Nubuwwah (Kenabian)<br>- Al-Ghaibiyyat (perkara ghaib)<br>- As Syari'at (Peraturan) | Perlis<br>Sabah<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 11 | Jelaskan **dua** contoh iktikad yang membatalkan iman dari aspek syariat.<br><br>- Mengingkari / tidak percaya rukun Islam atau satu daripadanya. / contoh-contoh daripada rukun Islam.<br>- Mengingkari / tidak percaya hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT seperti menghalalkan zina / liwat<br>- Beriktikad bahawa undang-undang Islam / syariat Islam adalah lapok / tidak sesuai di gunakan lagi.<br>Catatan:<br>- Jawapan mesti tulis mengingkari / tidak percaya | Kedah |
| 12 | Nyatakan **dua** contoh perkataan yang boleh membatalkan iman (2M)<br><br>- "Saya tidak lagi beragama Islam".<br>- "Al-Quran sudah tidak sesuai lagi diamalkan"<br>- "Saya tidak percaya adanya malaikat Raqib dan Atid"<br>- "Rasulullah pun buat dosa"<br>- "Zaman sekarang tidak perlu menutup aurat lagi"<br>- "Bilal itu telah menyalak seperti anjing"<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | Melaka<br>Perak<br>Terengganu<br>SBP<br>Sarawak |
| 13 | Apakah maksud iman terbatal melalui perbuatan<br><br>- Melakukan perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran. | Pahang |
| 14 | Nyatakan **dua** contoh perkara yang membatalkan iman dari aspek perbuatan.<br><br>- Sujud kepada makhluk atau berhala dengan sengaja<br>- Meletakkan peralatan agama lain dan memberi penghormatan kepadanya<br>- Melakukan upacara ibadat agama lain<br>- Mengoyak mashaf al-Quran | Johor<br>KL 2<br>Perlis<br>N9<br>Pahang |
| 15 | Jelaskan syarat terbatal iman<br><br>- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa kepada kekufuran<br>- Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan Rukun Islam dan Rukun Iman.<br>- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja tiada yang memaksa<br>- Melakukan perkara yang jelas boleh membawa kekufuran | Johor<br>Melaka<br>N9<br>SBP<br>MRSM |
| 16 | Jelaskan kesan melakukan perkara yang membatalkan iman (2M)<br>Jelaskan kesan melakukan perkara yang membatalkan iman (4M)<br><br>- Rosak segala amalan soleh dan ibadat yang dilakukan(1m) kerana aqidah terpesong(1m)<br>- Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT(1m) sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam(1m).<br>- Diharamkan memasuki syurga(1m),sebaliknya akan kekal di dalam neraka(1m)<br>- Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga Islam(1m) kerana berbeza aqidah(1m) | Johor<br>Melaka<br>Perak<br>Terengganu<br>Pahang<br>Sabah<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 17 | Terangkan **dua** cara menjauhi perkara yang membatalkan iman (4M)<br><br>- Mempelajari dan mendalami ilmu akidah (1m) supaya dapat menguatkan iman(1m)<br>- Bersahabat dengan orang soleh/berilmu(1m) supaya dapat membimbing kepada kebaikan(1m)<br>- Melakukan ketaatan dan amal soleh(1m) untuk mengukuhkan keimanan kepada Allah<br>- Merujuk sesuatu amalan dan kepercayaan kepada al-Quran dan sunnah(1m) berdasarkan huraian ulama yang muktabar(1m0<br>- Berdoa dan memohon petunjuk Allah (1m) agar sentiasa berada di jalan yang benar(1m)<br>- Sentiasa memohon keampunan (1m) atas dosa yang dilakukan(1m) | Johor<br>Kelantan<br>KL 2<br>Perak<br>Selangor<br>Perlis<br>Kedah<br>N9<br>SBP<br>MRSM<br>Sarawak |
| 18 | Nyatakan takrif ajaran sesdat<br><br>- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah | Penang<br>Putrajaya |
| 19 | Jelaskan ciri ajaran sesat dari aspek berikut<br>a) Al Quran dan hadis<br>b) Ibadah<br><br>(a) Al-Quran dan al-Hadis<br>- Memahami dan mentafsir al-Quran dengan logik akal semata-mata tanpa mengikut disiplin ilmu yang betul<br>- Meyakini bahawa terdapat al-Quran lain yang tersembunyi<br>- Hanya berpegang dengan al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum Islam<br><br>(b) Ibadah<br>- Menolak kewajipan ibadat fardu<br>- Beribadat dengan hanya berzikir bagi menggantikan solat<br>- Menunaikan ibadat haji di tempat yang dianggap suci selain Mekah al-Mukaramah<br>- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah | Penang |
| 20 | Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat dalam aspek akhlak.<br><br>- mengejek dan merendah-rendahkan sahabat.<br>- bersikap taksub dengan ajaran guru sehingga menganggap ajarannya yang sempurna<br>- memperkecil amalan masyarakat berdasarkan sunnah Rasulullah SAWsebaliknya berbangga dengan amalan yang bertentangan dengan syariat Islam | Putrajaya |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 21 | Jelaskan kesan melakukan ajaran sesat dari sudut politik<br><br>- menggugat kestabilan politik akibat tindakan keganasan.<br>- mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni akibat taksub kepada pemimpin kumpulan. | Putrajaya |
| 23 | Terangkan dua cara menjauhi ajaran sesat<br><br>- Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunah Wal Jamaah /**agar** tidak terpesong.<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya /**supaya** tidak mudah terpengaruh.<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al Quran dan al Sunah /**agar** amalan diterima Allah.<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih/**supaya** tidak terpengaruh dengan ajaran sesat.<br>- Berdoa memohon petunjuk Allah SWT/**agar** sentiasa berada dijalan yang benar<br>- Bertaubat kepada Allah SWT/**kerana** ketelanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat | Terengganu |
| | **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH** | |
| | Ahli sunnah wal jamaah merupakan kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al Quran dan Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabio' tabiin dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak | |
| 24 | Jelaskan dua kepentingan berpegang dengan prinsip akidah Ahli Sunnah Wal jamaah<br><br>- Mendapat keredaan Allah SWT<br>- Menjadi asas penerimaan sesuatu amalan<br>- Memelihara kesucian agama Islam<br>- Menjamin keamanan negara<br>- Mengelak umat Islam daripada terjebak dengan ajaran sesat<br>- Membersihkan akidah daripada sebarang bentuk kekeliruan<br>- Menghindarkan umat Islam daripada fahaman yang melampau | Penang |
| | **SYIAH** | |
| 25 | Apakah maksud Syiah<br><br>- Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abi Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) dan berkeyakinan bahawa hanya ahli al-Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah (1m) | Selangor |
| 26 | Ceritakan secara ringkas sejarah kemunculan Syiah<br><br>- Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW<br>- Berkeyakinan bahawa hanya Ahlul Bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah | Penang |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>27</td><td>Jelaskan dua prinsip Syiah yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah<br><br>- Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum<br>- Menyanjung Saidina Ali secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW<br>- Mengamalkan al-taqiyyah<br>- Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama</td><td>Selangor</td></tr>
<tr><td>28</td><td>Jelaskan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Wal jamaah dengan muktazilah mengenai isu berikut<br>a) Pelaku dosa besar<br>b) Kedudukasn iman<br>
<table>
<tr><th>Isu</th><th>ASWJ</th><th>Muktazilah</th></tr>
<tr><td>(a) Pelaku dosa besar</td><td>Pelaku dosa tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>Pelaku dosa besar berada pada satu kedudukan antara mukmin dengan kafir dan mereka kekal di dalam neraka.</td></tr>
<tr><td>(b) Kedudukan iman</td><td>ASWJ mempercayai bahawa iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan</td><td>Iman tidak boleh bertambah dan berkurang. Iman ada apabila melakukan kebaikan dan iman hilang apabila melakukan kemungkaran.</td></tr>
</table></td><td>Penang</td></tr>
<tr><td></td><td>KHAWARIJ</td><td></td></tr>
<tr><td>29</td><td>Nyatakan pengertian Khawarij.<br><br>- Khawarij ialah kumpulan pengikut Saidina Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah kerana tidak puas hati dengan keputusan Majlis Tahkim</td><td>KL 1</td></tr>
<tr><td>30</td><td>Senaraikan dua ciri pemikiran Khawarij<br><br>- Membaca al-quran tidak melebihi kerongkong mereka.<br>- Keluar dari Islam sebagaimana anak panah keluar dari<br>- busurnya</td><td>KL 1</td></tr>
<tr><td>31</td><td>Jelaskan dua prinsip Khawarij<br><br>- Jawatan khalifah atau imam hendaklah diserahkan pemilihannya kepada rakyat untuk memilih sesiapa sahaja daripada kaum muslimin yang layak.<br>- Mereka menyatakan bahawa Saidina Ali telah melakukan dosa besar serta kufur kerana bersetuju mengadakan Majlis Tahkim.<br>- Wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.<br>- Beriktikad bahawa orang yang melakukan maksiat dikira berdosa besar dan kafir</td><td>KL 1</td></tr>
<tr><td>32</td><td>Jelaskan perbezaan pandangan Khawarij dan Ahli Sunnah Wal Jamaah terhadap pelaku dosa<br>
<table>
<tr><th>Khawarij</th><th>Ahli Sunnah wal Jamaah</th></tr>
<tr><td>Pelaku dosa besar dianggap kafir</td><td>Pelaku dosa besar mukmin tetapi dihukum fasiq</td></tr>
</table></td><td>KL 1</td></tr>
</table>

# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 3
## BAHAGIAN FEQAH

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **HAJI DAN UMRAH** | |
| | Ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan | |
| 1 | Nyatakan maksud haji dari segi istilah<br><br>- Mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji (1m) untuk mengerjakan ibadah tertentu menurut syarat-syaratnya. | Perlis<br>Terengganu<br>N9<br>Sabah<br>KL 1 |
| 2 | Nyatakan dua bulan haji<br><br>- Syawal<br>- Zulkaedah<br>- Zulhijjah | MRSM |
| 3 | Senaraikan **empat** rukun haji. / Senaraikan dua rukun haji<br><br>- Niat mengerjakan Haji<br>- Wukuf di Arafah pada ibadah haji<br>- Tawaf di Kaabah<br>- Saie<br>- Bergunting atau bercukur rambut<br>- Tertib pada kebanyakan rukun | Johor<br>Perlis<br>Terengganu<br>KL 1<br>Sarawak |
| 4 | Senaraikan **empat** rukun haji dan umrah yang sama<br>- Niat<br>- Tawaf<br>- Saie<br>- Bergunting/bercukur<br>- Tertib | Sabah |
| 5 | Nyatakan maksud tawaf<br><br>- Maksud tawaf ialah mengelilingi kaabah 7 pusingan (1m) bermula di penjuru hajarul aswad dan berakhir pada sudut yang sama (1m), menurut syarat-syarat tertentu | SBP |
| 6 | Nyatakan dua syarat wajib haji selain daripada berkemampuan<br><br>- Islam<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Merdeka | N9 |
| 7 | Senaraikan empat ciri kemampuan dalam ibadat haji<br><br>- Cukup perbelanjaan pergi dan balik<br>- Cukup keperluan asas tanggungan yang ditinggalkan<br>- Ada kenderaan pergi dan balik<br>- Aman perjalanan<br>- Sihat tubuh badan<br>**CIRI BERKEMAMPUAN KHUSUS BAGI PEREMPUAN**<br>- Mendapat keizinan suami atau wali<br>- Ditemani oleh mahram atau kumpulan perempuan yang dipercayai | MRSM |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 8 | Salah satu syarat wajib haji dan umrah ialah berkemampuan (Istita'ah)<br>Jelaskan **dua** ciri berkemampuan khusus bagi perempuan (4M)<br><br>- Mendapat keizinan suami atau wali<br>- Ditemani oleh mahram atau suami atau kumpulan wanita yang dipercayai. | Melaka<br>N9 |
| 9 | Terangkan hukum masalah berikut beserta alasan:<br>Sewaktu mengerjakan haji, Azim memakai pelitup muka ketika ihram.<br><br>- **Harus** kerana mencegah penularan wabak yang boleh nmembahayakan nyawa dan kesihatan.<br>**ATAU**<br>- **Sah** tetapi dikenakan dam kerana melanggar larangan ihram. | Melaka |
| 10 | Senaraikan dua / empat perkara wajib haji selain daripada berniat ihram di Miqat<br><br>- Bermalam di Muzdalifah.<br>- Melontar di Jamratul Kubra.<br>- Bermalam di Mina.<br>- Melontar di ketiga-tiga jamrah.<br>- Meninggalkan perkara yang dilarang semasa ihram | Pahang<br>SBP |
| 11 | Nyatakan dua jenis miqat<br><br>- Miqat Makani<br>- Miqat Zamani | Pahang |
| 12 | Nyatakan **dua** larangan ihram dari aspek pakaian (2M)<br>**Dua larangan ihram dari aspek pakaian:**<br>**Lelaki :**<br>- Memakai pakaian berjahit / bercantum<br>- Menutup kepala<br>**Perempuan :**<br>- Menutup muka<br>**Lelaki & perempuan** :<br>- Memakai sarung tangan | Johor |
| 13 | Jelaskan dua larangan bagi wanita dalam ihram<br><br>- Menutup muka.<br>- Memakai sarung tangan. | Pahang |
| 14 | Jelaskan dua larangan ketika berada dalam ihram haji atau umrah<br>- menyapu minyak rambut.<br>- mencabut bulu atau rambut.<br>- memotong kuku.<br>- berwangi-wangian sama ada pada pakaian, badan atau menghidunya.<br>- memakai sarung tangan.<br>- memburu binatang buruan.<br>- memotong atau merosakkan tumbuhan.<br>- berkahwin, mengahwinkan atau wakil untuk menerima nikah.<br>- melakukan perbuatan merangsang syahwat.<br>- persetubuhan suami isteri.<br>- memakai pakaian berjahit atau bercantum bagi lelaki.<br>- menutup kepala bagi lelaki.<br>- menutup muka bagi perempuan. | Sarawak |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>15</td><td>Nyatakan hukum dan alasan bagi masalah berikut<br><br>Muhammad berada di Muzdalifah pukul 3 pagi 10 Zulhijjah.<br>- Sah kerana beliau berada di sana mengikut dalam tempoh masa yang ditetapkan.<br>Mariam menunaikan ibadat melontar di Jamratul Kubra bermula tengah malam 14 Zulhijjah.<br>- Tidak sah kerana beliau melakukan ibadat tersebut tidak mengikut masa yang ditetapkan./ 14 Zulhijah telah tamat waktu melontar jamrah</td><td>Pahang</td></tr>
<tr><td>16</td><td>Jelaskan dua perbezaan antara haji dan umrah<br>Jelaskan dua perbezaan antara haji dan umrah dari aspek waktu dan perkara wajib (Terengganu)
<table>
<tr><th>HAJI</th><th>UMRAH</th></tr>
<tr><td>Dikerjakan pada bulan Haji sahaja</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun</td></tr>
<tr><td>Wajib Wukuf</td><td>Tiada Wukuf</td></tr>
<tr><td>Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga jamrah</td><td>Tiada melontar pada ketiga-tiga jamrah</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Muzdaliifah</td><td>Tiada bermalam di Muzdalifah</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Mina</td><td>Tiada bermalam di Mina</td></tr>
<tr><td>Melontar 7 anak batu di Jamrah al-Kubra</td><td>Tiada Melontar 7 anak batu di Jamrah al-Kubra</td></tr>
</table></td><td>Johor<br>Perlis<br>Sabah<br>Terengganu<br>MRSM<br>KL 1</td></tr>
<tr><td>17</td><td>Terangkan dua hikmah menunaikan haji dari aspek ekonomi<br><br>- Meningkatkan taraf hidup umat Islam (1m) dengan menabung dalam tabung Haji<br>- Meningkatkan dana umat Islam (1m) bagi membentuk masyarakat maju<br>Catatan<br>*mana-mana jawapan munasabah diterima</td><td>N9</td></tr>
<tr><td>18</td><td>Terangkan hikmah menunaikan haji dan umrah dari aspek rohani<br><br>- Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran pahala kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah SWT<br>- Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT(1m) bagi mencapai kasih sayang dan rahmat Allah (1m)<br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>SBP</td></tr>
<tr><td>19</td><td>Terangkan dua hikmah menunaikan ibadah haji dan umrah.<br>- Meraih ganjaran syurga (1m) kerana pengorbanan harta dan tenaga dalam melakukan perintah Allah SWT (1m).<br>- Saling mengenali antara umat Islam di serata dunia (1m) walaupun berbeza bangsa dan negara (1m).<br>- Menzahirkan kekuatan umat Islam (1m) kerana dapat berhimpun bersama untuk mengerjakan ibadah haji (1m).<br>- menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah SWT (1m) bagi mencapai rahmat Allah SWT (1m).<br>- menyemarakkan perkembangan dakwah Islam (1m) ke seluruh alam (1m).<br>- meningkatkan taraf hidup umat Islam (1m) dengan menabungdalam tabung haji (1m)<br>Catatan : Mana - mana jawapan lain yang munasabah diterima</td><td>Sarawak</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **KORBAN** | |
| 20 | Nyatakan maksud korban.<br><br>- Menyembelih binatang **ternakan (al An'am)**, /1m pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik, /1m bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. /1m<br><br>Catatan:<br>- Keratan pertama wajib ada.<br>- Keratan kedua dan ketiga merupakan pilihan (salah satu).<br>- Mesti ada perkataan binatang ternakan atau al-An'am | Kedah |
| 21 | Senaraikan **empat** binatang al-an'am yang disyariatkan dalam ibadat korban<br><br>- Unta<br>- Lembu/kerbau<br>- Kambing<br>- Biri-biri<br>- Kibas | Putrajaya |
| 22 | Nyatakan **dua** syarat sah korban.<br><br>- Berniat korban semasa menyembelih<br>- Menyembelih dalam waktu korban iaitu selepas solat sunat hari raya aidil adha hingga terbenam matahari pada akhir hari tasyik (13 zulhijjah)<br>- Binatang cukup umur<br>- Binatang yang sihat dan tidak cacat | Putrajaya |
| 23 | Jelaskan **dua** perkara sunat korban<br><br>- Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kuku pada permulaan bulan Zulhijjah sehingga selesai berkorban.<br>- Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri / tidak mewakilkan kepada orang lain jika mampu.<br>- Melaksanakan segala sunat sembelihan contohnya menghadap arah kiblat / alat sembelihan yang tajam.<br>- Membaca "**Bismillahi Allahuakbar"** / berselawat ke atas Rasulullah SAW ketika menyembelih.<br>- Berdoa semasa hendak menyembelih | Kedah |
| 24 | Jelaskan **dua** cara untuk membahagikan daging korban<br><br>- 1/3 disedekahkan pada kepada fakir / miskin.<br>- 1/3 dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya / jiran.<br>- 1/3 dimakan oleh pihak yang berkorban / anggota keluarganya.<br>- Bagi korban nazar wajib disedekahkan **semua** daging kepada fakir / miskin. | Kedah |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>25</td><td>Terangkan dua hikmah ibadah korban<br><br>- Dapat mengagungkan syiar Islam/1m yang merupakan<br>- tanda ketakwaan kepada Allah SWT.1m<br>- Dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT/1m kerana melakukan amalan sunat./1m<br>- Dapat mengeratkan persaudaraan umat Islam/1m melalui amalan pembahagian daging korban./1m<br>- Dapat membuktikan kesyukuran kepada Allah SWT/1m agar rezeki yang diperoleh akan diberkati./1m<br>- Menghayati pergorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim/1m untuk menaikkan semangat jihad. /1m<br>Catatan :<br>- Jawapan munasabah diterima.</td><td>Kedah</td></tr>
<tr><td></td><td>AKIKAH</td><td></td></tr>
<tr><td>26</td><td>Agama Islam menuntut umatnya untuk menunaikan ibadah akikah sempena kelahiran anak<br>Apakah maksud akikah ?<br>- Binatang ternakan al an’am yang disembelih sempena kelahiran bayi.<br>-</td><td>Perak</td></tr>
<tr><td>27</td><td>Jelaskan empat syarat sah akikah<br>- Berniat akikah ketika binatang disembelih<br>- Masa perlaksanaan setelah bayi dilahirkan<br>- Binatang yang cukup umur<br>- Binatang bebas daripada penyakit dan kecacatan</td><td>Perak</td></tr>
<tr><td>28</td><td>Jelaskan dua perbezaan ibadat korban dan akikah<br><table><tr><th>Korban</th><th>Akikah</th></tr><tr><td>Dilakukan pada 10 zulhijjah hingga akhir hari tasyrik</td><td>Afdal dilakukan pada hari ke tujuh kelahiran bayi/anak</td></tr><tr><td>Sunat disedekah secara mentah</td><td>Sunat dimasak manis dan dibuat jamuan</td></tr></table></td><td>Putrajaya</td></tr>
<tr><td></td><td>PERKAHWINAN</td><td></td></tr>
<tr><td>29</td><td>Nyatakan maksud perkahwinan<br>- akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.<br>-</td><td>KL 2<br>Selangor<br>MRSM</td></tr>
<tr><td>30</td><td>Senaraikan empat wanita yang haram dikahwini selama-lamanya di sebabkan keturunan<br><br>- Ibu<br>- Nenek dan ke atas<br>- Anak perempuan<br>- Cucu perempuan<br>- Adik-beradik perempuan seibu sebapa atau sebapa atau seibu<br>- Anak perempuan daripada adik beradik lelaki atau adik beradik<br>- perempuan sama ada seibu sebapa atau sebapa atau seibu<br>- Ibu saudara<br>- Nenek saudara</td><td>Selangor</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 31 | Jelaskan **dua** syarat bagi setiap rukun nikah berikut<br>a) Saksi<br>b) wali<br>**a) saksi**<br>- Islam<br>- Lelaki<br>- Baligh<br>- Berakal<br>- Adil<br>- pendengaran yang baik<br>- penglihatan yang baik<br>- merdeka.<br>**b) wali**<br>- Islam<br>- Lelaki<br>- Baligh<br>- adil (tidak melakukan dosa besar atau dosa kecil secara berterusan)<br>- merdeka (bukan dalam ihram haji atau umrah)<br>- tidak dipaksa mewalikan<br>- tiada penyakit yang mencacatkan pemikiran seperti nyanyuk atau gila<br>- mampu memelihara dan menguruskan hartanya. | KL 2 |
| 32 | Nyatakan dua rukun nikah selain wali<br>- Bakal suami<br>- Bakal isteri<br>- Dua orang saksi<br>- ijab dan qabul / sighah / akad nikah | Penang<br>Putrajaya |
| 33 | Siapakah yang dimaksudkan dengan wali mujbir?<br>- Bapa<br>- Datuk sebelah bapa dan ke atas | Putrajaya |
| 34 | Jelaskan dua sebab perpiindahan wali nasab kepada wali hakim<br>- Tidak mempunyai wali nasab<br>- Wali nasab berada jauh melebihi 2 marhalah<br>- Wali hilang dan tidak dapat dikesan<br>- Saudara baharu (muallaf) yang tiada wali nasab yang layak<br>- Anak tidak sah taraf<br>- Wali dalam ihram haji atau umrah<br>- Wali enggan mewalikan pernikahan<br>- Wali sendiri yang hendak berkahwin dengan perempuan tersebut dan tiada wali lain yang setaraf (sepupu lelaki | Penang<br>Putrajaya |
| 35 | Jelaskan hukum dan alasan bagi situasi berikut<br>a) Bakal suami tiada dalam majlis akad nikah kerana melanjutkan pengajian di luar negara.<br>- sah akad nikah dengan mewakilkan kepada orang lain<br>b) Seorang saksi yang bisu dan pekak telah menjadi saksi perkahwinan Azura.<br>- tidak sah kerana syarat saksi mesti pendengaran dan penglihatan yang baik | KL 2 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **MEMINANG** | |
| 36 | Nyatakan maksud meminang.<br><br>- Lamaran seorang lelaki kepada seorang perempuan / **(1m)** untuk dijadikan calon isteri menurut uruf setempat. **(1m)** | Kelantan |
| 37 | Senaraikan **dua** anggota yang harus dilihat semasa meminang.<br><br>- Muka.<br>- Kedua tapak tangan. | Kelantan |
| 38 | Apakah maksud ijab dan qabul dalam perkahwinan<br><br>- Ijab ialah lafaz yang diucapkan oleh wali atau wakilnya.<br>- Qabul ialah lafaz yang diucapkan oleh bakal suami atau wakilnya.<br>- | Pahang |
| 39 | Jelaskan dua syarat lafaz akad nikah<br><br>- Menggunakan lafaz kahwin atau nikah atau terjemahan yang tepat daripada kedua-duanya.<br>- Lafaz ijab dan qabul hendaklah jelas dan bukan secara kiasan.<br>- Ijab dan qabul hendaklah berturutan dan tidak diselangi dengan perkataan lain | Pahang |
| 40 | Terangkan dua hikmah perkahwinan dalam Islam<br><br>- Memenuhi tuntutan batin (Isi) yang merupakan fitrah manusia (Huraian)<br>- Memelihara diri daripada keruntuhan akhlak dan pelbagai gejala<br>- sosial (Isi) yang boleh mencemarkan maruah (Huraian)<br>- Memelihara keturunan yang baik (Isi) agar tidak dipandang hina (Huraian)<br>- Mewujudkan ketenangan jiwa (Isi) melalui hubungan cinta yang halal (Huraian)<br>- Menghindari perbuatan seks secara bebas (Isi) yang boleh membawa jangkitan penyakit (Huraian)<br>- Menjalinkan hubungan persaudaraan antara kedua-dua belah keluarga suami dan isteri (Isi) agar hidup harmoni (Huraian) | Selangor |
| 41 | Terangkan **dua** implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang Islam<br><br>- Pasangan boleh di denda (1m) jika disabitkan dengan kesalahan berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul bagi negeri masing-masing (1m)<br>- Pasangan terpaksa dipisahkan (1m)jika didapati perkahwinan tidak sah mengikut hukum syarak(1m)<br>- Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah (1m) untuk membuat sebarang tuntutan seperti hadhanah dan harta pusaka jika berlaku kematian suami (1m)<br>- Kesukaran mendaftar kelahiran anak (1m) untuk mendapatkan sijil kelahiran (1m | Perak<br>SBP |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **WALIMATUL URUS** | |
| | Walimatulurus adalah perkara yang disyariatkan dalam Islam dalam setiap perkahwinan | |
| 42 | Nyatakan maksud walimatulurus (2M)<br><br>- Kenduri (1m) yang diadakan sempena perkahwinan (1m).<br>- | Johor<br>Kedah |
| 43 | Jelaskan adab walimatulurus dalam Islam(2M) / (4M)<br><br>- Tuan rumah menjemput semua orang tanpa ada pilih kasih / Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja.<br>- Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan merapatkan hubungan<br>- Orang yang mengundang bukan orang yang zalim atau diketahui memiliki harta yang haram<br>- Tiada perkara yang mungkar seperti minuman arak serta pergaulan bebas lelaki dan perempuan.<br>- Memenuhi jemputan pada hari pertama sahaja sekiranya majlis lebih sehari | Johor<br>Kelantan |
| 44 | **Jelaskan** tujuan pensyariatan walimatulurus (2M)<br>**Terangkan** dua pensyariatan walimatul urus (4M)<br><br>- Mensyukuri nikmat Allah atas perkahwinan yang didirikani.<br>- Merapatkan hubungan silaturrahim antara sesama manusia<br>- Menghebohkan perkahwinan kepada masyarakat untuk menghindarkan sebarang fitnah | Johor<br>Kelantan<br>Kedah<br>MRSM |
| | **ISU DALAM PERKAHWINAN** | |
| | **TALAK** | |
| 45 | Apakah maksud talak<br><br>- Pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak (1m) yang jelas atau kiasan | Perlis<br>N9<br>Sabah<br>KL 1 |
| 46 | Jelaskan **dua** hukum talak dan situasinya<br>Jelaskan dua hukum talak selain harus<br><br>- Harus (1m) : syarak memberikan kebenaran untuk pasangan suami isteri membubarkan perkahwinan kerana sebab-sebab tertentu. (1m)<br>- Wajib (1m) : apabila berlaku perbalahan antara suami yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah.(1m)<br>- Sunat (1m) : apabila isteri berakhlak buruk.(1m) -<br>- Makruh (1m) : suami menceraikan isteri berkelakuan baik atau tanpa sebab.(1m)<br>- Haram (1m) : menceraikan isteri dalam keadaan haid atau ketika suci tetapi telah disetubuhi tanpa diketahui hamil atau tidak.(1m) | Sabah<br>SBP |
| 47 | Bilakah hukum talak menjadi wajib<br><br>- Talak menjadi wajib apabila berlaku perbalahan antara suami isteri yang tidak dapat didamaikan setelah melalui proses mahkamah | N9 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 48 | Jelaskan contoh lafaz'talak dari aspek berikut<br>a) Secara jelas.<br>b) Secara kiasan.<br><br>Contoh lafaz talak:<br>a) Aspek secara jelas- "Aku ceraikan engkau".<br>b) Aspek secara Kiasan- "Aku lepaskan engkau mulai hari ini". | Perlis<br>KL 1 |
| 49 | Nyatakan dua jenis talak<br><br>- Talak Raj'i.<br>- Talak Bain | Terengganu<br>N9 |
| | **IDDAH** | |
| 50 | Dewasa kini, terdapat pelbagai isu dalam perkahwinan seperti talak, rujuk dan iddah.<br>Nyatakan maksud iddah dari segi istilah<br>- tempoh masa yang perlu dilalui oleh seorang isteri selepas pembubaran perkahwinan atau selepas kematian suami<br>- | Melaka<br>Terengganu<br>SBP<br>Sarawak |
| 51 | Jelaskan tempoh idah bagi situasi berikut :<br>a. Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid.<br>b. Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi<br><br>a.**Isteri yang bercerai hidup dan belum putus haid :**<br>3 kali suci<br>b.**Isteri yang bercerai mati dan belum pernah disetubuhi :**<br>4 bulan 10 hari | Terengganu |
| 52 | Jelaskan **dua** larangan yang perlu dipatuhi semasa iddah.<br>- menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan.<br>- keluar daripada rumah yang disediakan oleh suami kecuali keperluan yang dibenarkan oleh syarak.<br>- berhias diri kecuali wanita yang dalam iddah raj'ie. | Melaka |
| 53 | Jelaskan tempoh iddah bagi kategori wanita bercerai hidup berikut:<br><br>a) belum putus haid : 3 kali suci<br>b) telah putus haid : 3 bulan hijrah<br>c) belum pernah disetubuhi : tiada iddah<br>d) sedang hamil : sehingga melahirkan | Sarawak |
| | **ANAK ANGKAT** | |
| 54 | Isu berkaitan anak angkat tidak asing lagi kepada masyarakat Malaysia khususnya<br>Jelaskan maksud anak angkat.<br><br>- Anak angkat ialah anak orang lain yang dipelihara seperti anggota keluarga sendiri / tetapi tidak mempunyai hak seperti anak kandung yang ditetapkan oleh syarak. | Perak |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>55</td><td>Jelaskan dua perbezaan antara hak anak angkat dengan hak anak kandung<br><table><tr><th>Anak angkat</th><th>Anak kandung</th></tr><tr><td>Tidak dapat mendapat harta pusaka</td><td>Dapat mewarisi harta pusaka</td></tr><tr><td>Tidak boleh diwalikan oleh bapa kandung</td><td>Boleh diwalikan oleh bapa kandung</td></tr><tr><td>Tidak boleh dinasabkan oleh bapa kandung</td><td>Boleh dinasabkan oleh bapa kandung</td></tr></table></td><td>Perak</td></tr>
<tr><td></td><td>SOLAT-SOLAT SUNAT</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>SOLAT DHUHA</td><td></td></tr>
<tr><td>56</td><td>Apakah maksud solat Duha?<br>- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk/ (1m) hingga sebelum gelincir matahari (1m).</td><td>Kelantan<br>KL 2</td></tr>
<tr><td>57</td><td>Jelaskan dua hikmah menunaikan solat Duha<br>- Mendekatkan diri kepada Allah SWT bagi meraih kasih sayang daripada Allah SWT.<br>- Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT setiap masa.<br>- Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT.</td><td>Kelantan<br>KL 2</td></tr>
<tr><td></td><td>SOLAT SUNAT ISTIKHARAH</td><td></td></tr>
<tr><td>58</td><td>Solat sunat Istikharah merupakan salah satu solat sunat yang dituntut.<br>Terangkan dua hikmah solat sunat Istikharah<br>- Meningkatkan keimanan kepada Allah kerana menjadikan Alla sebagai tempat pergantungan<br>- Mendidik diri agar sentiasa memohon sesuatu kepada Allah terutama dalam membuat keputusan.<br>- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah seperti kepada bomoh</td><td>Melaka</td></tr>
<tr><td></td><td>SOLAT SUNAT GERHANA</td><td></td></tr>
<tr><td>59</td><td>Nyatakan maksud solat sunat gerhana<br>- Solat yang dilakukan ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan (1m) dengan cara-cara yang tertentu (1m)<br>-</td><td>Selangor<br>Penang</td></tr>
<tr><td>60</td><td>Jelaskan dua hikmah solat sunat gerhana<br>- Menginsafi kekuasaan Allah SWT terhadap penciptaan alam semesta<br>- Memohon keampunan kepada Allah SWT terhadap segala dosa yang dilakukan<br>- Memberikan peringatan supaya manusia tidak melakukan kerosakan dan kemungkaran<br>- Memandu manusia mentauhidkan Allah SWT<br>- Mendapat ganjaran pahala melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT</td><td>Selangor<br>Penang</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 61 | Jelaskan kaifiat menunaikan solat sunat gerhana | Penang |

| | | |
|---|---|---|
| Niat | أُصَلِّي سُنَّةَ الخُسُوفِ / الكُسُوفِ رَكْعَتَيْنِ إِمَامً / مَأْمُومً لِلَّهِ تَعَلَى | |
| Bilangan rakaaat | 2 rakaat | |
| Waktu | dilakukan ketika berlaku gerhana matahari / bulan | |
| Cara pelaksanaan | digalakkan secara berjemaah | |
| | Rakaat 1 | Rakaat 2 |
| Bacaan dalam solat | surah al-Fatihah dan surah lain | surah al-Fatihah dan surah lain |
| Ruku' pertama | - sebaik-baiknya memanjangkan kadar ruku' seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat pertama | - Ruku' kedua sebaik-baiknya memanjangkan kadar ruku' seperti kadar panjang bacaan surah pada rakaat kedua |
| Qiam | - surah al-Fatihah dan surah lain | surah al-Fatihah dan surah lain |
| Ruku' kedua | sebaik-baiknya panjang ruku' seperti kadar panjang bacaan pada rakaat pertama untuk kali kedua | sebaik-baiknya panjang ruku' seperti kadar panjang bacaan pada rakaat kedua untuk kali kedua |
| Menyempurnakan rukun-rukun yang lain sehingga memberi salam | | |

# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 4
## BAHAGIAN SIRAH DAN TOKOH

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH

USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **KERAJAAN KHULAFAK AL RASHIDIN** | |
| 1 | Khulafa' al-Rasyidin merupakan zaman kerajaan Islam yang dipimpin oleh beberapa orang sahabat selepas kewafatan Rasulullah SAW<br>Nyatakan pusat pemerintahan khulafa' al-Rasyidin<br><br>- Pusat Pemerintahan : Madinah | Perak |
| 2 | Senaraikan dua orang Khalifah Khulafak Al Rashidin selain Umar al Khatab<br><br>- Khalifah Abu Bakar al-Siddiq<br>- Khalifah Uthman bin Affan<br>- Khalifah Ali bin Abi Talib | Selangor<br>KL 1 |
| 3 | Nyatakan **dua** bentuk ketegasan Saidina Abu Bakar as Siddiq r.a.<br><br>- Memerangi golongan murtad<br>- Memerangi nabi palsu<br>- Memerangi golongan yang enggan membayar zakat. | Sabah |
| 4 | Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khalifah Umar Al Khattab<br><br>- Tegas.<br>- Berfikiran terbuka.<br>- Adil.<br>- Cekap. | Terengganu |
| 5 | Jelaskan dua pencapaian pemerintahan Saidina Umar Al Khattab daripada aspek sosial<br><br>- Mengasaskan takwim Islam sebagai asas permulaan pengiraan tahun hijrah<br>- Memperkenal undang-undang pentadbiran tanah untuk menghormati hak sosial dan menjaga kebajikan rakyat<br>- Membina kemudahan awam seperti tali air untuk kemudahan pertanian<br>- | Selangor |
| 6 | Jelaskan **dua** pencapaian kerajaan Khulafa ar Rasyidin dari aspek ekonomi<br><br>- Memperkenalkan pelbagai **cukai baharu** seperti cukai jizyah dan kharaj.<br>- Memajukan **sistem pengairan** dan **saliran** melalui pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Basrah.<br>- Mengemaskini institusi **baitul mal.**<br>- Meneroka **tanah baharu** untuk memperbanyak hasil pertanian | Terengganu |
| 7 | Jelaskan **dua** kejayaan yang telah dicapai oleh Saidina Umar Al-Khattab dalam bidang ekonomi<br><br>- Memperkenalkan pebagai cukai baharu (1m) seperti cukai jizyah dan kharaj (1m)<br>- Memajukan sistem pengairan dan saliran (1m) melalui<br>- pembinaan terusan Amirul Mukminin di Mesir dan empangan Abu Musa di Basrah.<br>- Mengemas kini institusi Baitul Mal dan menukar tanah baharu (1m) untuk memperbaiki hasil pertanian | Sabah |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 8 | Jelaskan **dua** pencapaian pemerintahan kerajaan Khulafak Al-Rasyidin dari aspek agama<br><br>**Khalifah Abu Bakar**<br>- berjaya memerangi nabi-nabi palsu /golongan yang enggan membayar zakat<br>**Khalifah Umar al Khatab**<br>- menyebarkan dakwah Islam ke wilayah Mesir, Parsi dan Rom. | KL 1 |
| 9 | Jelaskan **dua** pencapaian pada zaman pemerintahan salah seorang khulafa' al-Rasyidin berikut :<br>a) Khalifah Umar bin al-Khattab<br>b) Khalifah Usman bin Affan<br><br>**a) Khalifah Umar bin al-Khattab**<br>- Menyebarkan dakwah Islam sehingga tersebar di wilayah Mesir, Parsi dan Rom<br>- Menubuhkan majlis Syura / jabatan tentera / jabatan polis / jabatan percukaian / jabatan perbendaharaan negara.<br>- Memperkenalkan pelbagai cukai baru / cukai jizyah / cukai kharaj<br>- Memajukan sistem pengairan dan saliran<br>- Mengemaskini institusi Bailtul Mal<br>- Meneroka tanah baru<br>- Mengasaskan taqwim Islam sebagai asas permulaan tahun hijrah.<br>- Memperkenalkan Undang-undang Pentadbiran Tanah<br>- Membina kemudahan awam seperti tali air<br>- Meneruskan pembebasan negeri di Wilayah Iraq<br>- Membuka Baitul Maqdis, Palestin dan Mesir<br>- Menubuhkan sekolah / al-kuttab<br>**b) Khalifah Usman bin Affan :**<br>- Berjaya mematahkan pemberontakan dan penaklukan serta meluaskan kuasa wilayah Islam hingga ke Rom, Mesir dan Afrika Utara serta menawan Pulau Cyprus.<br>- Menubuhkan angkatan tentera laut Islam yang pertama<br>- Menyelaraskan bacaan/qiraat dan penulisan mashaf al-Quran | Perak |
| 10 | Terangkan dua iktibar daripada pemerintahan Khulafak Al Rashidin<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kepimpinan khalifah (Isi) yang mengutamakan kesejahteraan agama, rakyat dan negara<br>- (Huraian)<br>- Kita hendaklah menggiatkan usaha dakwah (Isi) agar kebenaran Islam dapat disebarkan (Huraian)<br>- Kita hendaklah mengukuhkan perpaduan umat Islam (Isi) dengan memelihara hak antara satu sama lain (Huraian)<br>- Kita hendaklah menyumbang kepakaran (Isi) untuk pembangunan dan kemajuan negara (Huraian)<br>- Kita hendaklah mengamalkan akhlak yang terpuji (Isi) agar menjadi contoh teladan yang baik (Huraian)<br>- Kita hendaklah menyokong kegiatan ekonomi umat Islam (Isi) supaya umat Islam dihormati (Huraian) | Selangor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **KERAJAAN ABASIYAH** | |
| 11 | Senaraikan **dua** pemerintah kerajaan Abbasiyah yang terkenal<br><br>- Abu Al-Abbas Abdullah bin Muhammad bin Ali As-Saffah<br>- Abu Jaafar Abdullah Muhammad bin Ali Al-Mansur<br>- Harun Ar-Rasyid bin Muhammad<br>- Makmun bin Harun Ar-Rasyid<br><br>Catatan-Abu Jaafar shj x terima | Putrajaya |
| 12 | Jelaskan dua sumbangan Abu Al Abbas Abdullah As Safah<br><br>- mengasaskan kerajaan Abasiyah<br>- mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantine<br>- menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan Khawarijmengasaskan kerajaan Abasiyah<br>- mengembalikan keamanan dengan mematahkan serangan luar dari Parsi dan Byzantine<br>- menstabilkan keamanan dalam negara dengan mematahkan pemberontakan oleh golongan Syiah dan Khawarij | Penang |
| 13 | Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Abasiyah dari aspek kententeraan<br><br>- Strategi peperangan yang mantap seperti strategi al-Karadis telah berjaya mengalahkan serangan musuh.<br>- Inovasi peralatan peperangan yang moden dan canggih ketika itu seperti manjanik, dababah dan barud.<br>- keprihatinan pemimpin menjaga kebajikan tentera diutamakan melalui pemberian gaji dan bonus.<br>- Dasar keterbukaan keanggotaan tentera kepada orang bukan Arab seperti Parsi dan Turki berjaya mengukuhkan kekuatan pasukan. . | Penang |
| 14 | Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah dalam bidang ekonomi<br><br>- Rusuhan dan pemberontakan sering berlaku menyebabkan pedagang luar tidak datang ke Baghdad. Hal ini menyebabkan dana baitulmal merosot.<br>- Sektor pertanian merosot kerana sistem pengairan tidak dapat dibaiki ekoran masalah kewangan. | Putrajaya |
| | **KERAJAAN UMAYYAH** | |
| 15 | Nyatakan pengasas dan pusat pemerintahan kerajaan Umaiyah<br><br>- Muawiyah bin Abi Sufian<br>- Damsyik, Syria | Putrajaya |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 16 | Nyatakan **dua** sumber ekonomi pada zaman kerajaan Umaiyah<br><br>- Pertanian<br>- Perdagangan | Putrajaya |
| 17 | Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dalam bidang Ketenteraan<br><br>- Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.<br>- Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.<br>- Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada parsi dalam ketenteraan.<br>- Memperkasakan kekuatan tentera dengan membina 1700 buah kapal perang. | Putrajaya |
| | **KERAJAAN UTHMANIAH** | |
| | Kerajaan Uthmaniah merupakan Kerajaan Islam yang keempat memerintah wilayah-wilayah Islam dalam sejarah dunia | |
| 18 | Siapakah pengasas kerajaan Uthmaniah<br><br>- Sultan Uthman bin Ertughrul | N9 |
| 19 | Nyatakan sejarah ringkas penubuhan kerajaan Uthmaniyah.<br><br>- Asal nama kerajaan bersempena nama Uthman bin Ertughrul iaitu pengasas kerajaan Uthmaniyah.<br>- Tempoh pemerintahan 1299 - 1924.<br>- Kawasan pemerintahan meliputi sebahagian besar benua Asia, Eropah dan Afrika.<br>- Bilangan pemerintah 37 orang.<br>- Pemerintah pertama ialah Sultan Uthman bin Ertughrul.<br>- Antara pemerintah terkenal ialah Uthman bin Ertughrul, Sultan Murad 1, Sultan Muhammad al-Fateh dan Sultan Sulaiman al-Qanuni.<br>- Pemerintah terakhir ialah Sultan Abdul Majid II.<br>- Antara pusat pemerintahan ialah Sogut, Bursa, Edirne dan Istanbul. | Kelantan<br>Melaka |
| 20 | Nyatakan pusat pemerintahan pertama Kerajaan Uthmaniyah.<br><br>- Sogut | KL 2 |
| 21 | Senaraikan **dua** tempat yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Uthmaniah<br><br>- Sogut<br>- Bursa<br>- Edirne<br>- Istanbul<br>- | Kedah<br>MRSM |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 22 | Nyatakan **dua** sultan yang terkenal pada zaman pemerintahan kerajaan Uthmaniah<br>Nyatakan **dua** khalifah Kerajaan Uthmaniyah yang terkenal selain Sultan Muhammad al-Fateh<br>Senaraikan dua pemerintah terkenal kerajaan Uthmaniyah selain Sultan Uthman bin Ertughrul<br><br>- Sultan Uthman bin Ertughrul<br>- Sultan Murad I<br>- Sultan Muhammad Al Fateh<br>- Sultan Sulaiman Al Qanuni | Johor<br>Pahang<br>KL 2<br>Sarawak<br>Perlis<br>SBP |
| 23 | Jelaskan **tiga** sumbangan Sultan Muhammad al-Fateh dalam membangunkan Kerajaan Uthmaniyah<br><br>- Membuka Kota Constantinople pada tahun 857H.<br>- Menyatukan Empayar di Utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary.<br>- Mewakafkan Aya Sofia sebagai masjid dan membina Kompleks al-Fateh | KL 2 |
| 24 | Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniah dari aspek keilmuan<br><br>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni bina dan teknikal.<br>- Menaiktaraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Kasbah di Algeria untuk merancakkan aktiviti keagamaan | Johor<br>Kelantan |
| 25 | Jelaskan dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek ketenteraan.<br><br>- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera<br>- Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaras sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata | Perlis |
| 26 | Terangkan dua faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniah dari aspek sosial<br><br>- Penjagaan kebajikan rakyat/ menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan.<br>- Mewujudkan suasana harmoni/ dalam kalangan masyarakat.<br>- Mewujudkan sistem wakaf yang sistematik/ meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan. | Pahang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 27 | Jelaskan **dua** faktor kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah.<br><br>- Persaingan politik dalaman istana dan perebutan kuasa dalam kalangan putera raja<br>- Wujud gerakan menuntut kemerdekaan daripada wilayah-wilayah menyebabkan negara tidak stabil.<br>- Kelemahan sistem pendidikan menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara.<br>- Kesilapan memilih sekutu dalam Perang Dunia Pertama menyebabkan kehilangan bilangan tentera yang besar.<br>- Kemerosotan ekonomi dan beban hutang yang tinggi.<br>- Teknologi ketenteraan yang ketinggalan berbanding dengan kuasa barat sehingga kalah dalam peperangan | Melaka<br>Kedah<br>N9<br>SBP<br>MRSM<br>Sarawak |
| 28 | Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniah.<br><br>- Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa supaya urusan berjalan lancar<br>- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu agar mampu bersaing<br>- Kita hendaklah menghayati semangat cinta akan negara agar rela berkorban untuk negara<br>- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam supaya hidup diberkati Allah<br>- Kita hendaklah menolak campurtangan asing untuk menjaga kedaulatan negara Islam | Johor<br>Melaka<br>Kedah<br>SBP |
| | **TOKOH ISLAM** | |
| | **IMAM ABU HANIFAH** | |
| 29 | Pilih salah **satu** daripada tokoh yang diberikan dan jawab soalan di bawah:<br>Imam Abu Hanifah<br>Ahmad Ibrahim (jawapan dalam tajuk Ahmad Ibrahim)<br><br>Nyatakan riwayat hidup tokoh<br>- Nama penuh : al-Nukman bin Thabit.<br>- Tarikh lahir : 80 Hijrah di Kufah, Iraq<br>- Tarikh wafat : 150 Hijrah<br>- Kuniyah : Abu Hanifah<br>- Keperibadian : sangat memuliakan ilmu/kuat beribadat<br>- Antara gurunya : Hamad Bin Abi Sulaiman | Melaka<br>Kedah |
| 30 | Jelaskan tiga sumbangan tokoh<br>- Hasil karya<br>(I) Kitab al-Faraid<br>(II) Kitab Fiqh al-Akbar<br>(III) Kitab al-Alim wal-Muta'alim<br>- Mengasaskan Mazhab Hanafi berdasarkan Fatwa para sahabat, Qias, Istihsan, Ijmak dan Uruf.<br>- Mazhab Hanafi tersebar ke seluruh Asia Tengah dan Eropah.<br>- Melahirkan ramai murid terkenal seperti Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan al-Syaibani, Zufar bin al-Huzair | Melaka<br>Kedah |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **IMAM SYAFIE** | |
| | Imam Syafie merupakan salah seorang tokoh empat mazhab yang terkenal | |
| 31 | Nyatakan riwayat hidup beliau.<br>**Riwayat hidup Imam al-Syafie :**<br>- Nama penuh Muhammad bin Idris al-Syafie<br>- Tarikh lahir 150 Hijrah di Gaza<br>- Kuniah : Abu Abdullah<br>- Wafat pada tahun 204 Hijrah<br>- Wafat pada usia yang masih muda iaitu 54 tahun.<br>- Sifat peribadi :<br>i. Sanggup tinggal bersama-sama arab badwi demi menguasai bahasa<br>ii. Sanggup bermusafir jauh<br>iii. Berani menegakkan kebenaran ketika difitnah<br>iv. Sangat pemurah<br>v. Tinggi sifat warak dan kuat beribadat<br>- Guru yang tersohor:<br>i. Imam Malik bin Anas<br>ii. Sufyan bin Ubainah<br>iii. Muslin Khalid Al-Zanji | Johor<br>Perlis<br>N9<br>Pahang<br>Sabah<br>SBP<br>KL 1<br>Saarawak |
| 32 | Jelaskan **tiga** buah negara yang mengamalkan mazhab Syafie<br><br>- Malaysia<br>- Indonesia<br>- Brunei<br>- Mesir<br>- Iraq<br>- Parsi<br>- Syiria<br>- China<br>- Pakistan<br>- India<br>- | Sabah |
| 33 | Senaraikan dua sifat Imam Syafie yang boleh anda contohi<br><br>- Mencintai ilmu<br>- Berani menegakkan kebenaran<br>- Pemurah kepada fakir miskin<br>- Warak dan kuat beribadat<br>- | N9<br>MRSM |
| 34 | Jelaskan **dua** sumbangan beliau<br><br>- Karya Imam al-Syafie (1m) (Al-risalah, Al-Umm, Al-Musnad) (1m)<br>- Mengasaskan mazhab (1m) berdasarkan Ijmak, Qias dan Istidlal (1m)<br>- Murid terkenal (1m) (Ahmad bin Hanbal, Abu Yaakob Yusuf, Abu Ibrahim Ismail (1m)<br>- Mazhab Syafie tersebar (1m) di Mesir, Iraq, Parsi, Syria, Malaysia, China dll (1m) | Johor<br>Perlis<br>N9<br>Pahang<br>SBP<br>KL 1<br>Sarawak |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 35 | Jelaskan bukti kesungguhan Imam Syafie dalam menuntut ilmu<br><br>- Sanggup tinggal bersama-sama dengan kaum Arab badwi demi menguasai bahasa, kesusateraan dan kebudayaan Arab<br>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan kepada agama | N9<br>Sarawak |
| 36 | Jelaskan dua iktibar daripada kegigihan al-Imam al-syafie dalam menyebarkan dakwah Islam<br><br>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu.<br>- Berguru dengan ramai tokoh ilmuan yang terkemuka sehingga ke Madinah, Baghdad dan Mesir dalam masa yang lama semata-mata kerana kecintaan terhadap ilmu. | Perlis |
| 37 | Terangkan dua iktibar kesungguhan Imam as Syafie dalam menuntut ilmu<br><br>- Kita hendaklah tabah menghadapi kesukaran dalam menuntut ilmu/ agar menjadi insan yang hebat di sisi Allah SWT.<br>- Kita hendaklah sanggup berkorban tenaga dan masa untuk menuntut ilmu/ agar mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.<br>- Kita hendaklah tidak mudah berputus asa/ apabila mengalami kekecewaan atau kegagalan | Pahang |
| 38 | Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan Imam as-Syafie rahimahullah dalam menuntut ilmu<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran Imam Syafie dalam menuntut ilmu (I) agar kitabdikasihi Allah.(H)<br>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari (I)supaya hidup diberkati Allah.(H)<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu (I) agar dapat memberi manfaat kepada orang lain.(H)<br>- Kita hendaklah berwaspada dengan sumber ilmu (I) agar tidak terpesong daripada syariat Islam.(H) | Sabah<br>KL 1 |
| | **IMAM MALIK** | |
| 39 | Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Imam Malik (2M)<br>- Nama penuh: Malik bin Anas al-Madani.<br>- Tarikh lahir: 93 H di Madinah.<br>- Tarikh wafat: 179 H<br>- Kuniah: Abu Abdullah<br>- **Keperibadian:**<br>  - Mencintai Rasulullah sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah.<br>  - Mencintai ilmu dengan berpegang pada prinsip *"Murid mencari Guru".*<br>  - Memuliakan majlis pengajian Hadis dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian.<br>  - Sanggup berkorban harta demi untuk menuntut ilmu.<br>- **Antara guru yang tersohor:**<br>  - Nafi' al-Madani<br>  - Muhammad bin Syihab al-Zuhri<br>  - Yahya bin Said al-Ansari<br>*Catatan: ***Hanya 1 jawapan sahaja untuk nama guru dan keperibadian.*** | Kelantan<br>KL 2<br>Penang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 40 | Jelaskan bukti kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu<br><br>- Sanggup berpanas terik demi menuntut ilmu.<br>- Sanggup menahan kesejukan demi menuntut ilmu.<br>- Berpegang kepada prinsip iaitu " seseorang tidak akan sampai kepada apa yang dihajati daripada ilmunya sehingga dia benar-benar sanggup berkorban dalam apa-apa jua keadaan".<br>- Sanggup berkorban apa sahaja demi untuk menuntut ilmu. | Kelantan<br>KL 2 |
| 41 | Jelaskan **dua** sumbangan beliau dalam tamadun Islam<br><br>- Hasil karya: Kitab al-Muawattak<br>- Mengasaskan mazhab berdasarkan amalan penduduk Madinah/ Qias/ Masalih al-Mursalah.<br>- Murid yang terkenal antaranya al-Imam al-Syafie/ Abdullah bin Abdul Hakam/ Abdul Rahman bin Qasim.<br>- Mazhab Maliki tersebar di Mesir, Andalus, Tunisia dan Afrika | Kelantan<br>KL 2<br>Penang |
| 42 | Terangkan dua bukti yang menunjukkan kecintaan Imam Malik terhadap Rasulullah SAW<br><br>- Mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana.<br>- Memuliakan majlis pengajian hadis Rasulullah SAW dengan memakai pakaian yang bersih dan wangi-wangian | Penang<br>MRSM |
| 43 | Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada keunggulan tokoh mazhab (<br><br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan dan kesabaran mazhab dalam menuntut ilmu **(1m)** / sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu. **(1m)**<br>- Kita hendaklah menghormati perbezaan pandangan antara mazhab **(1m)** / supaya masyarakat hidup harmoni. **(1m)**<br>- Kita hendaklah mengamalkan ilmu yang dipelajari **(1m)** / supaya hidup diberkati Allah SWT. **(1m)**<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki **(1m)** / agar dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat. **(1m)**<br>- Kita hendaklah berwaspada dalam meneliti sumber-sumber ilmu **(1m)** / agar tidak terpesong daripada syariat Islam. **(1m)** | Kelantan<br>KL 2 |
| | **AHMAD BIN IBRAHIM** | |
| 44 | Pilih salah **satu** daripada tokoh yang diberikan dan jawab soalan di bawah:<br>Imam Abu Hanifah (jawapan dalam tajuk Imam Abu hanifah)<br>Ahmad Ibrahim<br><br>Nyatakan riwayat hidup tokoh<br>- Nama penuh : Ahmad bin Muhamad Ibrahim<br>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>- Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999<br>- Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor | Melaka<br><br>Perak<br>Selangor<br>Terengganu |

| | | |
|---|---|---|
| | - Pekerjaan :<br>1) Pensyarah kuliah Undang-Undang di UIA Malaysia<br>2) Hakim Mahkamah Rayuan & Mahkamah Syariah<br>- Ketinggian akhlak :<br>1) Suka menyebarkan ilmu<br>2) Menjaga etika keadilan Ketika mengendalikan kes perbicaraan<br>- Tahap Pendidikan :<br>1) Victoria Bridge School, Singapura<br>2) Raffles Institution, Singapura<br>3) Raffles College, Singapura | |
| 45 | Nyatakan tarikh kelahiran dan tarikh kematian beliau<br><br>- Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>- Tarikh kematian : 17 April 1999 | Putrajaya |
| 46 | Jelaskan dua contoh ketinggian akhlak beliau<br>- Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan | Selangor |
| 47 | Jelaskan tiga sumbangan tokoh<br><br>Hasil karya :<br>- Menghasilkan buku Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia / buku Family Law in Malaysia<br>- Pelopor Jurnal Hukum<br>- Menghasilkan buku Sistem Undang-undang Malaysia / buku Islamic Law in Malaysia<br>- Menjadi Hakim Mahkamah Rayuan<br>- Menjadi Hakim Mahkamah Syariah<br>- Menjadi anggota Panel Pengasas Kuliah Undang-Undang di UIAM<br>- Menjadi pengasas dan penggubal Enakmen Undang-undang Islam Kelantan<br>- | Melaka<br>Perak |
| 48 | Senaraikan **dua** sumbangan Professor Ahmad bin Ibrahim dari segi penghasilan karya<br><br>- Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.<br>- Family Law in Malaysia.<br>- Pelopor Jurnal Hukum.<br>- Sistem Undang-undang Malaysia.<br>- Islamic Law in Malaysia. | Terengganu<br>Putrajaya |
| 49 | Terangkan **dua** iktibar daripada keunggulan tokoh Ahmad bin Ibrahim<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh Ahmad bin Ibrahim dalam menuntut ilmu (1m) sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu (1m).<br>- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiyah(1m) agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar (1m).<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara (1m).<br>- Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti (1m) supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara (1m).<br>- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara (1m) supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa (1m). | Perak<br>Selangor<br>Terengganu<br>Putrajaya |

# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN 5
## BAHAGIAN AKHLAK ISLAMIYAH

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **ADAB TERHADAP ORANG SAKIT** | |
| 1 | Nyatakan dua adab yang boleh diamalkan oleh masyarakat terhadap golongan orang yang sakit dari aspek emosi<br><br>- Memberikan semangat dan motivasi agar mereka sabar dan reda<br>- Tidak melakukan sesuatu yang boleh mengganggu ketenteraman mereka dengan bunyi bising dan tempoh ziarah yang panjang | Selangor |
| 2 | Jelaskan dua adab terhadap orang sakit vdari aspek fizikal<br><br>- Memastikan tempat pesakit sentiasa bersih.<br>- Memastikan tubuh badan pesakit sentiasa bersih.<br>- Menyediakan keperluan dan kemudahan asas untuk pesakit. | Pahang |
| 3 | Nyatakan dua adab terhadap orang sakit saripada aspek ibadah<br><br>- Mendoakan kesihatan mereka<br>- Membantu mereka yang ingin melakukan ibadat | Penang |
| 4 | Jelaskan dua hikmah beradab terhadap orang sakit<br><br>- Menggembirakan pesakit agar hatinya tenang dalam menempuh ujian Allah SWT<br>- Mengeratkan ukhwah sesama anggota masyarakat agar hidup diberkati<br>- Melahirkan keinsafan kerana diberikan nikmat kesihatan setelah melihat penderitaan pesakit | Selangor<br>Pahang<br>Penang |
| | **ADAB TERHADAP ORANG KURANG UPAYA** | |
| | Islam menuntut umatnya berbuat baik kepada orang kurang upaya | |
| 5 | Apakah maksud orang kurang upaya<br><br>- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara efektif dalam masyarakat (1m) dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera sejak lahir atau selepasnya (1m). | Johor<br>KL 2<br>Perak<br>SBP<br>Putrajaya |
| 6 | Senaraikan dua kemudahan awam khusus kepada golongan orang kurang upaya<br><br>dua kemudahan awam khusus kepada golongan orang kurang upaya<br>- Ruang laluan khusus kaki<br>- Ruang tempat duduk khusus dalam pengangkutan awam<br>- Ruang khusus meletak kenderaan<br>- Tandas khusus di tandas-tandas awam<br>- Kaunter khas di premis kerajaan<br>***Mana-mana jawapan munasabah diterima*** | SBP |
| 7 | Jelaskan **dua** adab menyantuni orang kurang upaya<br><br>- Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadah dengan selesa<br>- Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai urusan ibadah<br>- Memberi layanan dengan penuh kasih saying terhadap mereka<br>- Tidak menghina dan mengejek mereka<br>- Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan<br>- Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka | Perak<br>SBP |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 8 | Jelaskan **dua** adab terhadap orang kurang upaya dari aspek emosi.<br><br>- Memberikan layanan dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka.<br>- Tidak mengejek dan menghina mereka | Johor |
| 9 | Nyatakan **dua** adab terhadap orang yang kurang upaya dari aspek ibadat.<br><br>- Menyediakan kemudahan kepada mereka untuk melakukan ibadat dengan selesa.<br>- Membantu mereka dengan memberikan tunjuk ajar mengenai ibadat. | KL 2 |
| 10 | Jelaskan **dua** adab terhadap orang kurang upaya dari aspek fizikal<br><br>- Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan.<br>- Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka | Putrajaya |
| 11 | Jelaskan **dua** hikmah beradab terhadap orang kurang upaya.<br>Terangkan hikmah beradab terhadap orang kurang upaya.<br><br>- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana mendapat perhatian dan keistimewaan (1m)<br>- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat (1 m) agar perpaduan dapat diwujudkan (1m)<br>- Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna (1m)<br>- Memudahkan orang kurang upaya (1m) melakukan urusan harian (1m) | KL 2<br>Perak<br>Putrajaya |
| | **ADAB TERHADAP ALAM SEKITAR** | |
| 12 | Nyatakan maksud alam sekitar<br><br>- Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) / yang terdapat di sekeliling kita (1m) | Selangor<br>Perlis<br>N9<br>Sabah<br>MRSM<br>KL 1 |
| 13 | Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia.<br>Nyatakan **dua** contoh alam sekitar<br><br>Lembu/kuda/pokok/laut/sungai/gunung ganang/ matahari/bulan *(semua jawapan benda hidup dan bukan hidup diterima kecuali manusia)* | Perak |
| 14 | Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar<br>Terangkan dua adab menjaga alam sekitar (Perlis)<br><br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna (1m) agar tidak terancam dan pupus (1m).<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar (1m) dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau (1m).<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar (1m) seperti bergotong royong membersihkan kawasan rumah (1m).<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam (1m) seperti amalan kitar semula (1m).<br><br>**Catatan:**<br>- Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima | Perak<br>Selangor<br>Perlis<br>Terengganu<br>N9<br>Sabah<br>MRSM<br>KL 1 |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 15 | Terangkan hikmah adab menjaga alam sekitar<br>Jelaskan **dua** kepentingan menjaga alam sekitar kepada kehidupan kita.<br><br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar (1m) kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan (1m)<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa (1m) kerana melihat keindahan alam (1m)<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit (1m) kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar (1m)<br>- Melestarikan alam sekitar yang indah (1m) untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang (1m)<br>- Meningkatkan pendapatan (1m) kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan (1m) | Perak<br>Selangor<br>Terengganu<br>Sabah<br>KL 1 |
| 16 | Jelaskan **dua** kesan kerosakan alam sekitar<br><br>- Wabak penyakit mudah merebak.<br>- Hidup tidak selesa kerana bau busuk.<br>- Masyarakat tidak aman.<br><br>**mana-mana jawapan munasabah diterima* | Terengganu |
| | **WASATIAH** | |
| 17 | Nyatakan maksud wasatiyah<br><br>Wasatiyyah ialah pendekatan yang sederhana, seimbang, adil dan cemerlang dalam setiap tindakan. | Perlis<br>Terengganu<br>Kedah<br>N9<br>Sabah<br>MRSM<br>KL 1<br>Sarawak |
| 18 | Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan dalam wasatiyyah.<br><br>Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna/ **(1m)** dalam semua keadaan. **(1m)** | Kelantan |
| 19 | Nyatakan **dua** contoh keseimbangan dari aspek berikut:<br>(a) Rohani<br>(b) Jasmani<br>Jelaskan aspek keseimbangan darisudut jasmani<br>Jelaskan **dua** contoh aspek keseimbangan dari segi rohani<br><br>(a) Rohani<br>- Istiqamah melaksanakan ibadat fardu dan sunat.<br>- Bersungguh-sungguh menghayati al-quran / berzikir.<br>- Ikhlas dalam beribadat.<br><br>(b) Jasmani<br>- Mengambil makanan yang baik dan seimbang untuk menjaga kesihatan tubuh badan.<br>- Berehat setelah penat bekerja supaya badan kembali cergas dan bertenaga.<br>- Memenuhi keperluan biologi dan fitrah manusia | Kelantan<br>N9<br><br>Perlis<br>Kedah<br>Terengganu |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 20 | Jelaskan **dua** prinsip wasatiyah<br><br>Dua prinsip wasatiyyah<br>- Kesederhanaan<br>- Keseimbangan<br>- Keadilan<br>- Kecemerlangan | Sarawak |
| 21 | Kesederhanaan adalah salah satu daripada prinsip wasatiah<br>Nyatakan maksud kesederhanaan<br><br>- melakukan sesuatu dengan sempurna,/(1m) tidak melampaui batas dan mematuhi syarat | Melaka |
| 22 | Jelaskan aspek kesederhanaan<br><br>- Menunaikan tugas dengan sempurna<br>- Menunaikan tugas dengan penuh tanggungjawab<br>- Memenuhi syarat dalam menunaikan tugas<br>- Mematuhi arahan dalam menjalankan amanah<br>- Melaksanakan tugas sebagai hamba Allah | Melaka<br>MRSM<br>KL 1 |
| 23 | Jelaskan prinsip kesederhanan berserta contohnya<br><br>- Melakukan sesuatu dengan sempurna (1m) contohnya menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.(1m)<br>- Melakukan sesuatu dengan tidak melampaui batas (1m) contohnya mematuhi arahan dalam menjalankan tugas.(1m)<br>- Melakukan sesuatu dengan mematuhi (1m) syarat contohnya melaksanakan tugas sebagai hamba Allah.(1m)<br>- Melakukan sesuatu dengan sempurna (1m) contohnya menunaikan tugas dengan sempurna dan penuh tanggungjawab.(1m)<br>- Melakukan sesuatu dengan tidak melampaui batas (1m) contohnya mematuhi arahan dalam menjalankan tugas.(1m)<br>- Melakukan sesuatu dengan mematuhi (1m) syarat contohnya melaksanakan tugas sebagai hamba Allah.(1m) | Sabah |
| 24 | Nyatakan maksud kecemerlangan dalam prinsip wasatiah<br><br>- Pendekatan yang terbaik dalam melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran/ serta berkeyakinan teguh pada Allah SWT. | Pahang |
| 25 | Jelaskan ciri umat cemerlang<br><br>- Melakukan kebaikan seperti memakmurkan bumi, membangunkan negara dan membasmi kemiskinan.<br>- Mencegah diri daripada melakukan kezaliman, kefasikan dan kekejaman.<br>- Menggunakan kekayaan di dunia untuk mendapatkan keredaan Allah.<br>- Melakukan semua tugasan dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT | Perlis<br>Terengganu<br>Pahang<br>MRSM |
| 26 | Jelaskan dua cara mengamalkan prinsip wasatiah dalam kehidupan sebagai seorang murid<br><br>- Menunaikkan tugasan yang diberikan dengan penuh tanggungjawab.<br>- Melakukan ibadat dengan ikhlas.<br>- Tidak mengambil barang larangan/ menjauhi perkara yang dilarang | Pahang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 27 | Terangkan hikmah wasatiah<br><br>- Syiar Islam dapat ditegakkan(1m) *kerana* dipandang mulia (1m)<br>- Pembangunan yang menyeluruh dapat diwujudkan (1m) *kerana* kestabilan politik.<br>- Ekonomi stabil *kerana* tiada berlaku pembaziran<br>- Tahap pendidikan masyarakat tinggi *kerana* kemudahan infrastruktur yang lengkap.<br>- Masyarakat yang aman damai *kerana* melaksanakan prinsip-prinsip keadilan | Melaka<br>Perlis<br>Terengganu<br>Pahang<br>Sabah<br>KL 1<br>Sarawak |
| | **TAWADHUK** | |
| | Sikap tawaduk ialah sifat mulia warisan para nabi, rasul, sahabat dan tabi'in sejak zaman dahulu. Sikap ini perlu disandarkan pada niat yang ikhlas kerana Allah SWT | |
| 28 | Apakah maksud tawaduk?<br><br>- Sikap kerendahan hati (1m) kepada Allah SWT dan sesama manusia (1m) | Johor<br>Kelantan<br>Melaka<br>KL 2<br>Kedah<br>SBP<br>Sarawak |
| 29 | Jelaskan **dua** contoh sifat tawaduk yang diamalkan oleh Rasulullah SAW<br><br>**Tawadhuk dalam pergaulan**<br>- Rasulullah SAW menunjukkan sifat tawadhuk terutama ketika dengan kanak-kanak<br>- Menyatuni kanak-kanak dengan baik<br><br>**Tawadhuk dalam kehidupan rumahtangga**<br>- Rasulullah sentiasa membantu isteri dalam melayani keluarga dan menguruskan rumahtangga<br>- Rasulullah menjahit pakaian sendiri<br><br>**Tawadhuk ketika makan dan minum**<br>- Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk baginda.<br>- Baginda tidak menzahirkan perasaannya terhadap rasa makanan bahkan hanya berdiam sahaja | Johor<br>Melaka<br>KL 2<br>Kedah (makan minum)<br>SBP<br>Sarawak |
| 30 | Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sikap tawaduk dalam kehidupan seharian<br><br>- Membentuk insan yang bertakwa/ **(1m)** kerana mengamalkan sifat mahmudah. **(1m)**<br>- Dikasihi oleh masyarakat/ **(1m)** kerana tidak bersikap sombong. **(1m)**<br>- Membentuk keluarga harmoni/ **(1m)** kerana saling menghormati antara satu sama lain. **(1m)**<br>- Mendapat kedudukan mulia di sisi Allah SWT/ **(1m)** kerana sentiasa bersyukur. **(1m)** | Johor<br>Kelantan<br>Melaka<br>KL 2<br>SBP<br>Sarawak |
| 31 | Terangkan hikmah mengamalkan sifat tawaduk terhadap individu<br><br>- Membentuk insan yang bertakwa/1m kerana sentiasa mengamalkan sifat mahmudah. /1m<br>- Dikasihi masyarakat/1m kerana tidak bersikap sombong./1m<br>- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah SWT/1m kerana sentiasa bersyukur. /1m<br>***Catatan :***<br>***- Jawapan mesti fokus kepada individu sahaja /Jawapan munasabah ini diterima*** | Kedah |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **ISTIQAMAH** | |
| 32 | Nyatakan maksud istiqamah<br><br>- Ketaatan yang berterusan dalam melaksanakan suruhan Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya<br>- | Penang<br>Putrajaya |
| 33 | Jelaskan dua cara untuk memiliki sifat istiqamah<br><br>- Sentiasa bermujahadah melawan hawa nafsu agar berterusan mengamalkan sifat mahmudah<br>- Sentiasa berdoa memohon bantuan Allah SWT agar dapat melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan larangan-Nya secara berterusan.<br>- Sentiasa membaca dan mangambil iktibar daripada kisah para rasul yang istiqamah melakukan kebaikan.<br>- Sentiasa muhasabah diri agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan.<br>- Sentiasa mempelajari ilmu dengan istiqamah supaya menjadi amalan dalam kehidupan.<br>- Sentiasa berkawan dengan rakan yang berdisiplin dalam melakukan kebaikan. | Penang<br>Putrajaya |
| 34 | Jelaskan dua conoth sifat istiqamah yang di amalkan oleh Rasulullah SAW<br><br>- Rasulullah SAW istiqamah beribadah kepada Allah SWT. Baginda tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT walaupun baginda seorang yang maksum.<br>- Rasulullah SAW tetap berdakwah menyebarkan agama Islam walaupun menghadapi pelbagai kesusahan dan ancaman. Sifat istiqamah Rasulullah SAW dalam berdakwah terserlah melalui ketegasan baginda yang tidak akan meninggalkan usaha dakwah walaupun digantikan dengan kesenangan dunia | Penang<br>Putrajaya |
| 35 | Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan<br><br>- Menzahirkan individu yang berakhlak mulia (1m) kerana melaksanakan kebaikan secara berterusan I1m).<br>- Membentuk insan yang teguh pendirian (1m) dalam mempertahankan negara (1m).<br>- Memperkukuh jati diri (1m) dengan sifat sabar dan tidak berputus asa untuk berjaya (1m).<br>- Memupuk sikap sanggup berkorban harta dan nyawa (1m) demi mempertahankan Islam (1m).<br>- Membangunkan ekonomi (1m) kerana komitmen semua pihak untuk memajukan negara (1m).<br>- Melahirkan sifat kebersamaan dalam masyarakat (1m) kerana sentiasa menjaga kepentingan bersama (1m).<br><br>***Tak diterima- diredhai Allah/dipandang tinggi*** | Putrajaya |

# HIMPUNAN SOALAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2022 PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN KBAT

SBP
MRSM
JOHOR
PERAK
KEDAH
SABAH
PERLIS
MELAKA
PAHANG
KELANTAN
SARAWAK
SELANGOR
PUTRAJAYA
TERENGGANU
PULAU PINANG
KUALA LUMPUR
NEGERI SEMBILAN

DISUSUN OLEH
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| No | SOALAN DAN SKEMA | Negeri |
|---|---|---|
| | **MEMAHAMI SUNNATULLAH (Ali Imran ayat 137 – 139)** | |
| 1 | <br>Berikan hujjah anda untuk mengelak situasi seperti gambar di atas dengan mengaitkannya dengan sunnatullah<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Memelihara hutan<br>- Memulihara hutan<br>- Menaik taraf perparitan<br>- Membersihkan longkang-longkang sekitar perumahan<br>- Melebarkan sungai | Selangor |
| | **KEUTAMAAN DALAM TINDAKAN** | |
| 2 | Mengutamakan amalan yang banyak manfaat berbanding dengan amalan yang kurang bermanfaat<br>Berdasarkan prinsip di atas, bagaimanakah cara masyarakat boleh mengaplikasikan fiqh aulawiyyat dalam kehidupan mereka? Huraikan<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Mengutamakan bersedekah berbanding gotong-royong kerana sedekah lebih banyak manfaat kepada masyarakat.<br>Mengutamakan program berbentuk kebajikan masyarakat berbanding memperbanyakkan amalan sunat untuk peribadi | Perak |
| 3 | Allah SWT mengurniakan akal fikiran kepada semua manusia untuk membuat pertimbangan dengan wajar sebelum membuat sesuatu keputusan.<br>Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas<br><br>Contoh jawapan:<br>- Membolehkan seseorang individu lebih fokus kepada perkara yang lebih penting (1m). Ini bertujuan agar tidak terpesong daripada sasaran matlamat yang sebenar (1m). Kesannya ia akan menghasilkan sesuatu tugasan yang lebih baik, tersusun dan berkualiti tinggi (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bijak dalam mengambil tindakan agar berjaya hidup di dunia dan di akhirat (1m). | Putrajaya |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **HADIS 7 GOLONGAN YANG MENDAPAT NAUNGAN ALLAH** | |
| 4 | *Masih terdapat sebilangan masjid di Malaysia yang tidak begitu aktif dalam aktiviti pengimarahannya dalam kalangan masyarakat Islam setempat*<br>Berdasarkan pernyataan di atas cadangkan bagaimana cara untuk mencintai masjid.<br><br>**Cadangan isi;**<br>- Menunaikan solat fardhu secara berjemaah<br>- Menyertai aktiviti di masjid seperti majlis ilmu, program sukan dan riadah | Johor |
| 5 | <br>Huraikan bagaimanakah cara anda mengimarahkan masjid dalam konteks anda sebagai seorang remaja?<br><br>**cadangan isi**:<br>- solat berjemaah di masjid<br>- menyertai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh masjid<br>- mengajak rakan-rakan datang ke masjid<br>(Apa-apa isi munasabah diterima) | KL 2 |
| 6 | <br>Amalan bersedekah kepada golongan, yang memerlukan adalah dituntut dalam agama. Namun ada yang mempertikaikan tindakan segelintir pihak yang bersedekah secara terangterangan melaluirakaman video, media sosial dan sebagainya.<br>Berikan hujah anda<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Menjadi contoh sekaligus mengajak orang lain untuk turut bersedekah.<br>- Sedekah terang-terangan dapat mencegah perkataan buruk orang-orang yang suka menghina dan mencela.<br>- Wujud syukur atas kurniaan Allah SWT. | Perlis |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 7 | Kebelakangan ini ramai penyumbang yang berkongsi di media sosial berkaitan sumbangan yang diberikan sehingga ada yang bergambar bersama para penerima.<br>Kemukakan pandangan anda tentang situasi tersebut.<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Baik jika bertujuan untuk menarik minat orang lain bersedekah/ motivasi.<br>- Tidak sesuai kerana boleh memalukan penerima/ penerima tidak selesa.<br>- Kurang sesuai kerana boleh menimbulkan fitnah | Pahang |
| 8 | Amalan bersedekah secara terang-terangan diharuskan oleh syarak dengan syarat-syarat tertentu.<br>Kemukakan pandangan anda tentang amalan tersebut<br><br>Cadangan isi jawapan:<br>- Niat yang ikhlas kerana Allah SWT<br>- Perasaan simpati untuk membantu orang yang susah. | Sabah |
| **HADIS KEMULIAAN BERDIKARI** | | |
| 9 | **"DI MANA ADA KEMAHUAN DI SITU ADA JALAN"**<br>Bagaimanakah peribahasa di atas dapat dikaitkan untuk melahirkan masyarakat yang berdikari. Bincangkan<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Berusaha meningkatkan taraf hidup.<br>- Tidak mengharapkan bantuan pihak lain.<br>- Sentiasa berfikir mencari sumber ekonomi yang lebih baik.<br>- Tidak mudah berputus asa mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik | Kelantan |
| | **HADIS SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN** | |
| 10 | **Cadangkan cara melahirkan umat Islam yang mengambil berat dalam melaksanakan tugasan yang dipertanggungjawabkan**<br><br>Cadangan isi:<br>- Saling memperingati akan setiap tugasan dan tanggungjawab<br>- Mengingati balasan sekiranya tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik<br>- Mengingati bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap perbuatan manusia | |
| **NAMA ALLAH AR RAQIB** | | |
| 11 | Keimanan kepada sifat ar-Raqib akan menjadikan seorang hamba sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin.<br>Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya masyarakat Islam tidak beriman dengan nama Allah ar-Raqib.<br><br>**Cadangan isi**<br>- Membatalkan iman.<br>- Mendorong melakukan maksiat kerana merasakan tiada pengawasan Allah<br>- Mendapat kemurkaan Allah.<br>- Berakhlak buruk. | Johor |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 12 | Disiplin yang tinggi mampu menjadi penghalang daripada tingkah laku yang buruk.<br>Kaitkan pernyataan di atas dalam konteks keimanan kepada ar-Raqib<br><br>**Cadangan isi:**<br>- yakin Allah maha mengawasi setiap perlakuan hambaNYa<br>- sentiasa berwaspada dalam setiap perbuatan kerana yakin Allah maha mengawasi<br>- Sentiasa melakukan kebaikan kerana yakin dengan sifat ar-Raqib<br>(apa-apa isi munasabah diterima) | KL 2 |
| 13 | <br>Kejadian rompakan<br>Berdasarkan gambar di atas , huraikan cara mengatasi situasi di atas dengan mengaitkannya dengan nama Allah Ar Raqib<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Mengadakan kawalan rukun tetangga<br>- Memasang CCTV di kawasan kejiranan<br>- Mengupah pengawal keselamatan khas di kawasan perumahan | Selangor |
| **NAMA ALLAH AS SYAHID** | | |
| 14 | <br>16 - Sinar Harian - Monday, 11 January 2016<br>**Bayi dalam beg plastik**<br>NOOR AZURA SAHRIL<br>KAJANG - Seorang bayi lelaki ditemui di atas tembok longkang di Jalan 7/5G, Seksyen 7, Bandar Baru Bangi, kelmarin.<br>Dalam kejadian jam 5.05 petang itu, bayi yang masih bertali pusat itu ditemui seorang lelaki dalam bungkusan plastik.<br>Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Willy Richard berkata, seorang lelaki yang sedang mengayuh basikal dalam perjalanan balik dari surau terdengar bunyi seperti suara anak kucing dari arah longkang berdekatan.<br>"Dia menuju ke longkang, tetapi tiada apa-apa di dalam longkang itu. Kemudian dia ternampak plastik bergerak di atas tembok. Apabila membukanya dia lihat bayi lelaki yang masih hidup," katanya.<br>Lelaki itu kembali ke surau dan memaklumkan kejadian itu kepada rakan-rakannya.<br>Seorang doktor memotong tali pusat bayi berkenaan, sebelum dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut.<br>Sesiapa yang tahu mengenai kes bayi itu diminta menghubungi polis berdekatan untuk membantu siasatan.<br>Bayi lelaki yang ditemui di atas tembok longkang di Bandar Baru Bangi, kelmarin.<br><br>Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda mengapakah keadaan ini masih berlaku sedangkan mereka mengetahui Allah SWT bersifat As-Syahid<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Kurang penghayatan / pemahaman Allah bersifat As- Syahid<br>- Tidak takut/ memandang ringan dengan azab Allah di akhirat<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah diterima) | Melaka |
| 15 | Cadangkan langkah yang boleh anda lakukan terhadap rakan anda yang sering melakukan perbuatan mungkar seolah-olah menafikan Allah SWT bersifat al-Syahid.<br><br>Cadangan isi:<br>- Beri nasihat.<br>- Cerita balasan yang menimpa umat dahulu.<br>- Dekati dan beri bimbingan.<br>- Lapor kepada guru.<br>- Maklum kepada ibubapa. | Kelantan |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 16 | Keimanan umat Islam kepada sifat al-Syahid Allah SWT semakin lemah menyebabkan maksiat berleluasa.<br>Huraikan mengapakah perkara tersebut berlaku ?<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Kurang didikan agama<br>- Lemah penghayatan Islam<br>- Terpengaruh dengan keseronokan duniawi | Perak |
| 17 | Masih terdapat segelintir umat Islam yang makan dan minum di siang hari dengan sengaja pada bulan Ramadan sedangkan mereka mengetahuiAllah SWT Maha Menyaksikan"<br>Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan hujah anda mengapakah keadaan ini berlaku.<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Kurang keimanan kepada Allah SWT.<br>- Kurang didikan agama.<br>- Tidak takut dengan azab Allah SWT. | Perlis |
| 18 | <br>Graf di atas menunjukkan kadar jenayah yang membimbangkan dalam kalangan remaja di Malaysia walaupun mereka mengetahui Allah SWT bersifat al Syahid.<br>Pada pandangan anda, mengapakah hal ini masih berlaku?<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Lemah iman / tidak mantap akidah.<br>- Pengaruh kawan/ rakan/ media/ persekitaran yang tidak baik.<br>- Kurang didikan agama/ penghayatan/ amalan.<br>- Hukuman yang dikenakan tidak setimpal/ longgar.<br>- Tiada penguatkuasaan undang-undang/ tidak tegas. | Terengganu |
| 19 | Masih terdapat anggota masyarakat melakukan dosa dan maksiat sedangkan mereka mengetahui Allah SWT Maha Menyaksikan.<br>Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku? Kemukakan hujah anda<br><br>Cadangan isi jawapan:<br>- Kurang menghayati nama Allah iaitu as-Syahid.<br>- Terpengaruh dengan kekayaan dan kebendaan di dunia | Sabah |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td>20</td><td>

MAHKAMAH & JENA<br>
Menangis mengaku terima rasuah<br>
Hakim ingatkan pegawai imigresen 'orang rasuah akan dibakar dalam neraka'<br>
SHAH ALAM<br>
"Orang yang beri dan terima rasuah akan dibakar dalam api neraka, jadi sentiasalah beringat dan saya juga ingatkan diri saya, kamu dan semua di dalam mahkamah ini," demikian peringatan di-<br><br>
Kaitkan pernyataan dalam berita di atas dengan nama Allah al Syahid<br><br>
Contoh jawapan:
<ul>
<li>Orang-orang yang beriman dengan sifat Allah al-Syahid tidak akan melakukan perbuatan rasuah (I) kerana mereka memahami bahawa Allah SWT sedang menyaksikan perbuatan terkutuk yang dilakukan tersebut.(H) Kesannya mereka akan menjadi umat Islam yang diredhai oleh Allah SWT.(HL) Kesimpulannya kita mestilah menjauhi larangan Allah SWT agar hidup aman damai.(K)</li>
<li>Perbuatan meminta / memberi / menerima rasuah mestilah dielakkan(I) kerana Allah menyaksikan dan menghitung semua perbuatan manusia samada dilakukan secara terbuka atau tersembunyi (H). Orang yang terlibat dengan rasuah akan dilaknat Allah dan akan diazab di akhirat kelak (HL). Oleh itu, sebagai umat Islam kita perlu berwaspada dalam setiap tindakan agar terhindar daripada melakukan larangan-Nya (K).</li>
<li></li>
</ul>
Catatan:<br>
- Jawapan menjurus kepada Allah SWT bersifat Maha Menyaksikan dan perlu dikaitkan dengan isu rasuah
</td><td>Kedah</td></tr>
<tr><td>21</td><td>

19 - Kosmo - Tuesday, 1 December 2015<br>
Kajian dapati 39 peratus belia di Sarawak aktif seks<br>
Remaja tidak sekolah paling kerap buat maksiat<br>
Dipetik daripada akhbar Kosmo, 1 Disember 2015<br><br>
Berdasarkan keratan akhbar di atas , mengapakah keadaan tersebut masih berlaku. Kaitkan dengan nama Allah As Syahid<br><br>
Cadangan isi
<ul>
<li>Iman yang lemah</li>
<li>Terpengaruh dengan rakan sebaya yang sesat</li>
<li>Pengaruh media sosial</li>
<li>Jahil / kurang ilmu / kurang didikan agama</li>
<li>Kurang penghayatan Islam</li>
</ul>
</td><td>N9</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 22 | Aplikasi Media Sosial<br><br>Berdasarkan gambar di atas , bagaimanakah anda menghayati sifat As Syahid Allah SWT ketika menggunakan aplikasi tersebut. Huraikan pandangan anda<br><br>**Cadangan isi**<br>- Membuat sesuatu hantaran (post) yang betul dari sumber yang sahih<br>- Memilih bahan tontonan yang bermoral sahaja<br>- Menghindarkan diri daripada menyebarkan bahan-bahan yang menyalahi agama | SBP |
| | **PERKARA MEMBATALKAN IMAN** | |
| 23 | <br>*Dipetik daripada akhbar Harian Metro,2 Februari 2016*<br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan apakah yang akan berlaku sekiranya situasi tersebut tidak ditangani<br><br>**Cadangan isi**<br>- Rosak segala amalan soleh<br>- Tidak diampunkan dosa oleh Allah SWT jika tidak bertaubat<br>- Diharamkan memasuki syurga, kekal di dalam neraka<br>- Hilang hak terhadap harta pusaka<br>**Contoh jawapan**<br>Sekiranya situasi di atas tidak ditangani akan menyebabkan rosak segala amal soleh dan ibadat yang dilakukan (1m). Hal ini kerana mereka mengimgkari perkara asas dalam rukun Islam (1m). Kesannya, pemahanan akidah mereka terpesong dan membawa kepada kekufuran (1m) . Oleh itu , sebagai umat Islam, kita hendaklah memelihara iman dengan sebaiknya supaya mendapat keredhaan Allah SWT (1m) | N9 |
| 24 | وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾<br>Firman Allah SWT yang bermaksud:<br>*“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa beliau memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah SWT (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.”*<br>Berdasarkan petikan al Quran di atas , kemukakan hujjah anda mengapakah perbuatan tersebut merupakan kezaliman yang besar kepada individu yang terlibat<br><br>**Cadangan isi: (punca berlaku)**<br>- Merupakan faktor kebinasaan seseorang.<br>- Menyebabkan terbatalnya iman seseorang. | Pahang |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 25 | Masyarakat Malaysia ialah masyarakat yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan. Kemukakan hujah anda, bagaimana memelihara iman dalam situasi ini?<br><br>**Cadangan isi jawapan:**<br>- Mendalami ilmu akidah Islam supaya dapat mendalami batas-batas iman.<br>- Memastikan sesuatu kepercayaan dan amalan berdasarkan al-Quran dan as-Sunah.<br>- | Sabah |
| 26 | Sabda Rasulullah SAW:<br>تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ<br>(رواية مالك)<br>Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekira berpegang dengannya, kitab Allah (al-Quran) dan Sunah Nabi-Nya (al-Hadis).<br><br>Pada pandangan anda, mengapa ajaran sesat masih berlaku walaupun Nabi telah berpesan melalui hadisnya seperti di atas<br><br>**Cadangan isi**<br>- Malas beribadah<br>- Mengambil mudah semua urusan termasuk dalam hal agama<br>- Lemah iman<br>- Tidak takut dengan azab Allah SWT<br>- Kurang ilmu agama | Penang |
| 27 | "Ajaran Hadi Minallah boleh memeluk dan bersentuhan wanita"<br>Berdasarkan keterangan tersebut, bagaimanakah cara anda untuk mengenalpasti sesuatu ajaran itu telah terpesong daripada syariat Islam? Huraikan hujah anda<br><br>Cadangan isi:<br>- Saya akan memerhatikan amalannya adakah bertentangan dengan ajaran al-Quran atau sunnah (1m). Contohnya berkaitan dengan solat fardu (1m). Jika solat fardu tersebut tidak berbeza dengan syariat, maka kita yakin bahawa amalan nya mengikut syariat, namun jika sebaliknya, kita boleh pastikan akidah sebenar mereka (1m). Oleh itu umat islam hendaklah peka kepada setiap amal ibadat orang yang berada di sekeliling kita (1m). | Putrajaya |
| | **SOLAT SUNAT DHUHA** | |
| 28 | Orang yang sentiasa melakukan solat Duha akan dipermudahkan dalam urusan kehidupan mereka".<br>Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan tersebut<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Diberi kesihatan yang baik untuk memudahkan melakukan kerja.<br>- Dicukupkan rezeki setiap hari.<br>- Mendapat keuntungan yang besar.<br>- Hati menjadi tenang dalam melakukan urusan seharian.<br>- Setiap urusan menjadi mudah kerana mendapat keberkatan daripada Allah.<br>- Doa mudah dimakbulkan | Kelantan |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 29 | Nabi SAW telah mewasiatkan kepada Abu Hurairah RA agar tidak meninggalkan solat Dhuha ini:<br>أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ: صِيَامِ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَكْعَتَيِ الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنَامَ<br>Maksudnya: "Kekasihku (Muhammad SAW) mengingatkan akan daku supaya melakukan tiga perkara iaitu: **berpuasa tiga hari pada setiap bulan**, melaksanakan **solat Dhuha sebanyak dua rakaat** dan melakukan **solat Witir sebelum tidur**." [Riwayat al-Bukhari (1880) dan Muslim (721)]<br><br>Berdasarkan hadis di atas, bagaimanakah ibadat solat sunat dhuha dapatmembuktikan ketaqwaan kepada Allah SWT?<br><br>**Cadangan isi:**<br>- mengamalkan solat sunat dhuha secara istiqamah<br>- memanfaatkan masa dengan amal ibadat seperti solat dhuha | KL 2 |
| 30 | <br>Huraikan tindakan anda apabila melihat situasi seperti di gambar<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Berdoa kepada Allah SWT<br>- Menunaikan solat sunat gerhana bulan<br>- Memperbanyakkan istighfar<br>- Bertakbir<br>- Bersedekah | Selangor |
| | **AKIKAH** | |
| 31 | Hukum akikah ialah sunat muakkad. Tetapi terdapat ibu bapa yang tidak mampu melaksanakannya sehingga anak telah mencapai usia baligh.<br>**Berikan pandangan Islam** berkaitan dengan situasi di atas<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Tidak berdosa meninggalkannya kerana hukum akikah adalah sunat muakad iaitu sangat digalakan bukannya wajib.<br>- Tidak ada kehinaan jika tidak melaksanakan akikah<br>- Tidak bersyukur kepada Allah atas nikmat yang diberikan | Perak |

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN DAN SKEMA</th><th>NEGERI</th></tr>
<tr><td colspan="3">PERKAHWINAN</td></tr>
<tr><td>32</td><td>Penganjuran kursus perkahwinan oleh pihak jabatan agama Islam untuk pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga adalah berpandukan silibus dan modul yang telah ditetapkan.<br><br>Terangkan pendapat anda terhadap penganjuran kursus tersebut<br><br>Cadangan isi: (manfaat)<br>- Memberikan pendedahan awal alam perkahwinan mengenai hukum hakam dalam perkahwinan menurut syarak.<br>- Menjadikan pasangan lebih bersedia.<br>-</td><td>Pahang</td></tr>
<tr><td>33</td><td>Rasulullah SAW bersabda:<br>تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.<br>(متفق عليه)<br>Maksudnya: Perempuan itu dikahwini kerana empat perkara, iaitu kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan kerana agamanya. Maka pilihlah perempuan yang beragama, kamu akan mendapat kebaikan.<br><br>Mengapakah Islam sangat menekankan aspek agama dalam memilih calon suami atau isteri<br><br>Cadangan isi:<br>- Calon suami / isteri yang beragama tahu tanggungjawab masing-masing<br>- Membimbing keluarga ke jalan Allah<br>- mewujudkan kebahagiaan/ mendapat keredaan Allah<br>- mengelakkan nusyuz / dayus</td><td>Penang</td></tr>
<tr><td>34</td><td><br>Kahwin bawah umur meningkat<br><br>Sumber:<br>Keratan Akhbar Kosmo, 20 Mei 2016<br><br>Berdasarkan petikan akhbar di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perkara tersebut terus meningkat dalam masyarakat<br>Huraikan pandangan anda<br><br>Cadangan isi jawapan<br>- Peningkatan statistik kes perceraian<br>- Pengabaian terhadap hak dan tanggungajwab isteri / suami<br>- Pengabaian penjagaan anak-anak / kes penderaan kanak-kanak meningkat<br>- Mencegah berlakunya pergaulan bebas<br>- Mengelakkan kelahiran anak tidak sah taraf</td><td>SBP</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **WALIMATUL URUS** | |
| 35 | <br>Berdasarkan gambar di atas jelaskan walimatulurus yang menepati syariat Islam.<br><br>**Cadangan isi** ;<br>- Tidak mengandungi unsur maksiat<br>- Tidak ada percampuran antara lelaki dan perempuan | Johor |
| 36 | <br>Gambar di atas menunjukkan salah satu adat yang menjadi kebiasaan masyarakat Islam pada masa kini ketika majlis walimatulurus. Kemukakan pendapat anda.<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Mempunyai unsur khurafat.<br>- Terpengaruh dengan budaya agama lain.<br>- Perkahwinan tidak mendapat keberkatan.<br><br>**Catatan :**<br>- Perbuatan yang diterima adalah bersanding dan merenjis<br>- Sekiranya murid memberi jawapan bersanding perlu ikut situasi untuk memberi hukum haram atau harus ( Persandingan dibolehkan sekiranya untuk ahli keluarga sahaja............)<br><br>**Contoh jawapan:**<br>- Situasi di atas dilarang dalam Islam(I) kerana mengandungi unsur khurafat seperti perbuatan merenjis.(H) Hal ini kerana meniru upacara agama lain / menyebabkan terbatal iman seseorang / perkahwinan tidak diberkati oleh Allah SWT.(HL) Oleh itu kita hendaklah memastikan majlis walimatul urus yang diadakan mengikut landasan Syariat Islam agar diberkati-Nya.(K) | Kedah |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| | **ISU DALAM PERKAHWINAN** | |
| 37 | <br><br>Berdasarkan statistik di atas, kemukakan pendapat anda bagi mengatasi masalah tersebut<br><br>**Cadangan isi :**<br>- pemilihan pasangan yang baik<br>- pemahaman tanggungjawab masing-masing dengan sempurna<br>- mendalami ilmu kekeluargaan<br>- memahami ilmu agama | Melaka<br>Sabah |
| 38 | <br>Ramai pasangan bercerai kurang lima tahun perkahwinan<br>Oleh NOR SHAFAWATI YUP<br>PUTRAJAYA – Kebanyakan perkahwinan pertama di negara ini berakhir dengan penceraian dalam tempoh lima tahun ke bawah seperti dilaporkan dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Siri Kelima (KPKM-5).<br>Kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bermula September 2014 hingga Januari 2015 melibatkan 23,112 tempat kediaman seluruh negara.<br>Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, usia perkahwinan dalam tempoh lima tahun merupakan satu fasa kritikal yang perlu diberi perhatian oleh setiap pasangan.<br>"Antara punca utama berlakunya penceraian adalah tiada persefahaman dan curang dengan pasangan masing-masing.<br>"Dari aspek kewangan keluarga, hampir 40 peratus wanita menghadapi masalah dalam perbelanjaan pendidikan manakala 36.3 peratus bagi masalah perbelanjaan keperluan keluarga dan 16 peratus masalah dalam perbelanjaan perubatan keluarga," katanya.<br>Teks ucapan beliau telah dibacakan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Paduka Chew Mei Fun pada Majlis Pelancaran Buku dan Pembentangan Laporan Penemuan Utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Siri Kelima (KPKM-5) di sini semalam.<br>Kajian itu dilaksanakan setiap 10 tahun dengan penemuan utama dijalankan pada 1974.<br>MEI FUN (dua dari kanan) melancarkan buku Laporan Penemuan Utama KPKM-5 2014 oleh LPPKN di Putrajaya semalam.<br>*Dipetik dan diubah suai daripada Kosmo, 24 Februari 2016*<br>Berdasarkan keratan akhbar di atas , mengapakah perkara tersebut berlaku<br><br>Cadangan isi<br>- Kurang didikan agama / ilmu / penghayatan Islam<br>- Lemah iman<br>- Mengikut hawa nafsu<br>- Pengaruh media sosial | N9 |
| 39 | <br>30 pasangan Malaysia kahwin di Thailand setiap hari<br>Pilih kahwin di Siam kerana berpoligami, hubungan tak direstui keluarga, terlanjur<br>Sumber: KOSMO, 19 September 2013<br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, bincangkan implikasi perkahwinan yang tidak mengikut undang-undang keluarga Islamdi Malaysia<br><br>**cadangan isi**<br>- Akan dikenakan tindakan undang-undang.<br>- Masyarakat akan memandang serong terhadap mereka.<br>- Maruah keluarga kedua-dua belah pihak akan tercemar.<br>- Kehidupan masyarakat tidak harmoni | Perlis |

| NO | SOALAN DAN SKEMA | NEGERI |
|---|---|---|
| 40 | Encik Hasan telah mempunyai seorang isteri tetapi beliau berhasrat untuk berkahwin lagi Kemukakan pandangan anda terhadap situasi Encik Hasan.<br><br>**Jawapan menyokong :**<br>Cadangan isi :<br>- Memenuhi kelayakan berpoligami.<br>- Mampu memberi nafkah zahir dan batin.<br>- Boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya.<br>**Jawapan tidak menyokong :**<br>Cadangan isi :<br>- Tidak memenuhi kelayakan berpoligami.<br>- Tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin.<br>- Tidak boleh berlaku adil terhadap isteri-isterinya | Terengganu |
| 41 | Suami mengurus rumah dan anak-anak manakala isteri pula bekerja bagi menanggung perbelanjaan keluarga<br>Berdasarkan situasi di atas, huraikan pendapat anda<br><br>Contoh jawapan.<br>- Tidak wajar (1m). Suami berkewajipan mencari dan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak kerana dia adalah ketua keluarga (1m). Kesannya suami akan dihormati oleh ahli keluarga (1m). Kesimpulannya kita hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai ahli keluarga dengan sempurna agar hidup bahagia dan harmoni (1m).<br>Atau<br>- Wajar (1m), kerana berkemungkinan suami belum mendapat pekerjaan yang sesuai dan membantu isteri buat sementara waktu sahaja (1m). Contohnya suami mengasuh anak apabila isteri keluar bekerja demi menampung kekangan kewangan mereka, di samping itu suami mesti juga berazam untuk berusaha mencari pekerjaan tetap yang bersesuaian (1m). kesimpulannya suami berkewajipan menjalankan tanggungjawab zahir dan batin kepada isteri dan keluarga demi membentuk keluarga bahagia (1m). | Putrajaya |
| | **KHULAFAK AL RASHIDIN** | |
